

Jilid III
Bil. 40



Hari Rabu
4hb November, 1981

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5011]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1982 [Ruangan 5040]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1982 [Ruangan 5040]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P., D.P., D.U.P.N. (Kubang Pasu).**
- „ **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., (Labis).**
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- „ **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- „ **Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- „ **Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- „ **Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- „ **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).**
- „ **Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- „ **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SERI SHARIFF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- „ **Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).**
- „ **Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**
- „ **Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**
- „ **Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).**
- „ **Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).**
- „ **Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).**
- „ **Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).**

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).

- Yang Berhormat: Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAFA (Paloh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI SYED MOHD., A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MAHYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).

- Yang Berhormat TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungei Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWIN ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).

- Yang Berhormat TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).

- Yang Berhormat DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 4hb November, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat
Tuan Chan Teck Chan.

(*Soalan No. 1 Y.B. Tuan Chan Teck Chan*
tidak hadir).

RANCANGAN PEMBANGUNAN MAJLIS
DAERAH

2. **Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah rancangan Kementerian ini untuk membangunkan kawasan-kawasan Majlis Daerah, dan apakah perbezaan yang dapat dirasakan oleh rakyat yang tinggal dalam kawasan Majlis Daerah jika dibandingkan dengan rakyat yang tinggal di luar kawasan Majlis Daerah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah menetapkan rancangan-rancangan untuk membangunkan kawasan-kawasan Majlis Daerah melalui fungsi-fungsi projek seperti berikut:

- (i) Menyediakan kerja-kerja infra-struktur;
- (ii) Pembelian alat-alat kelengkapan berupa "Capital Expenditure";
- (iii) Mengadakan projek-projek bercorak perniagaan/sepenuh perniagaan;
- (iv) Membina bangunan-bangunan pejabat, projek-projek pengindahan

bandar dan kemudahan-kemudahan sukan serta projek-projek kemasyarakatan yang tertentu.

Dari kemudahan-kemudahan dan rancangan-rancangan pembangunan yang dilaksanakan kita dapat menentukan kemudahan-kemudahan yang dinikmati oleh penduduk-penduduk dalam kawasan majlis-majlis daerah di mana mereka mendapat kemudahan perkhidmatan yang tidak terdapat di kawasan-kawasan luar majlis daerah seperti perkhidmatan pembersihan parit-parit dan longkang, pembersihan sampah sarap, lampu-lampu di kiri kanan jalan, pasar awam dan lain-lain kemudahan lagi.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, Majlis Daerah adalah satu badan yang bebas dari segi kewangan iaitu financially autonomous dan menjalankan tugas pembangunannya sendiri. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah benar bahawa sebahagian daripada kuasa yang ada pada Pegawai Daerah sekarang ini telah dipindahkan kepada Majlis Daerah. Jika benar, apakah peranan yang sebenarnya Pegawai Daerah dalam sesuatu Majlis Daerah itu dan adakah terdapat sebarang duplikasi ataupun percanggahan di antara Pegawai Daerah dengan Majlis Daerah di dalam menjalankan tugas-tugas pembangunan.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu tidak saya nafikan bahawa Pegawai-pegawai Daerah juga dilantik menjadi Pengerusi Majlis-majlis Daerah tetapi tidaklah menjadi suatu duplikasi antara kuasa sebagai Pegawai Daerah dan juga Pengerusi Majlis Daerah dan demikian juga tidak ada pemindahan kuasa kerana sifatnya sebagai Pengerusi atau Yang di-Pertua Majlis Daerah mempengerusikan mesyuarat bulanan. Dan

dari pengalaman yang telah kita jalankan semenjak Majlis Daerah ini ditubuhkan beberapa masa yang lalu tidak ada percanggahan dan tidak ada menerbitkan sesuatu yang mungkin mengurangkan kelancaran pentadbiran. Walaupun demikian, kita sentiasa mengkaji dari semasa ke semasa dengan tujuan untuk hendak melicinkan lagi pentadbiran Majlis-majlis Daerah di seluruh negara.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kita nampak rancangan di masa yang akan datang bagi memajukan Majlis Daerah ini begitu baik. Adakah Kementerian ini bercadang supaya Majlis-majlis Daerah kita menyediakan Unit Pembangunan yang dilengkapi dengan pegawai-pegawai teknik supaya dapat melaksanakan projek Majlis Daerah itu berjalan dengan baik tanpa menunggu lain-lain jabatan seperti JKR dan lain-lain.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa memberikan perkhidmatan teknik secara percuma kepada semua Majlis-majlis Daerah.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak siapa boleh menafikan peranan yang dimainkan oleh Pegawai Daerah dan juga Pengerusi Majlis Kerajaan Tempatan begitu penting sekali dari segi pembangunan. Adakah Kementerian bercadang oleh kerana kedua-dua tugas itu penting hendak diasingkan, Pegawai Daerah menjalankan tugas Pegawai Daerah dan Pengerusi Majlis Kerajaan Tempatan diasingkan dan bagaimana caranya pihak Kementerian boleh melengkapkan Pegawai-pegawai Iktisas kepada Majlis-majlis Kerajaan Tempatan ini supaya perjalanan Majlis Kerajaan Tempatan diselenggarakan dengan sempurna.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini cadangan itu belum ada lagi. Walau bagaimanapun, bagi makluman Ahli Yang Berhormat satu lagi tingkat Majlis Kerajaan Tempatan iaitu Majlis Perbandaran adalah dipengerusikan oleh Yang di-Pertuanya daripada orang yang

berasingan memikirkan oleh kerana Majlis Daerah itu berhubung rapat dengan pentadbiran daerah terutamanya di kawasan-kawasan yang baru selain daripada Majlis yang dahulunya dikenali sebagai Majlis Bandaran di pekan-pekan yang dahulu dikenali dengan Majlis Tempatan terletak dalam Majlis Daerah untuk memudahkan pentadbiran di antara kawasan ini dengan kawasan Pejabat Daerah maka dengan demikian peraturan yang dijalankan pada masa ini adalah dianggapkan satu cara yang agak baik dan sekiranya pada masa akan datang kita fikirkan perlu keadaan sepertimana cadangan Ahli Yang Berhormat itu kita akan fikirkan.

Berkenaan dengan Pegawai Iktisas memanglah dari masa ke semasa kita memikirkan keadaan ini untuk melicinkan pentadbiran Majlis-majlis Daerah di seluruh negara.

Tuan Shaari bin Jusoh: Soalan tambahan. Sebagaimana dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi di antaranya ialah yang saya mengambil kesempatan ialah dua projek. Pertama berkenaan dengan menjaga kebersihan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar kebanyakan daripada Majlis-majlis Daerah yang mana sebagaimana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi untuk menjaga kebersihan tetapi nampaknya segala longkang-longkang tidak begitu bersih.

Kedua, saya dapat tahu dan saya sendiri biasa menghantarkan surat kepada pihak Majlis Daerah, ada di antara Majlis-majlis Tempatan juga Majlis Daerah yang mana penjualan-penjualan menjadi kecemaran bagi setengah kaum, walaupun satu kaum memandangkan makanan atau daging itu baik tetapi biarlah saya kata terus terang sebagaimana setengah Majlis Tempatan macam daging lembu tidak dibenarkan dijual dalam Majlis Tempatan tetapi dijual di satu tempat yang terpencil yang tidak boleh dilihat oleh orang lain kecuali untuk tempat sebagai market. Tetapi malangnya ada satu jenis daging khasnya kepada orang Islam yang agaknya cemar tetapi kepada kaum lain boleh makan. Sudah berbilang kali dibuat rayuan supaya dijual kepada satu tempat yang khas adakah Kementerian bercadang mengambil langkah sebagaimana saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan asalnya hal pembangunan, jadi bahagian kedua itu tidak payah jawab. Yang pertama tentang kebersihan Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri ada bercakap tadi. Timbalan Menteri bolehlah jawab.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kebersihan itu saya tidak menafikan mungkin ada setengah-setengah Majlis Daerah yang tidak begitu lancar. Untuk makluman peruntukan sama ada grant pelancaran dan juga grant pembangunan Rancangan Malaysia Keempat ini telah ditambah yang mana pada Rancangan Malaysia Ketiga dahulu agak kurang dan dengan penambahan ini keadaan kebersihan akan dapat diperbaiki dan masalah penjualan daging babi agaknya susah diperkatakan. Memanglah telah ditetapkan bahawa penjualan ini di pasar yang berasingan tidak terbuka kepada orang awam terutama orang yang beragama Islam. Dalam pada itu mungkin ada juga setengah-setengah tempat agaknya penjual-penjual yang berdegil. Di dalam hal ini eloklah Yang Berhormat berhubung dengan Yang di-Pertua Majlis Daerah ataupun ahli-ahli Majlis Daerah supaya mengambil perhatian yang agak lebih berat dan serius lagi dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya kata bahagian yang kedua tadi tidak payah jawab, ini hal pembangunan. Kalau mula dibuka lagi jawapan sedia sahajalah pertanyaan ini di luar daripada asal.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan boleh memberitahu apakah asas atau kriterianya bagi Kerajaan menentukan kawasan-kawasan tertentu untuk diambil menjadi kawasan pentadbiran Kerajaan Tempatan dan apakah kriterianya bagi Kerajaan menentukan kawasan-kawasan tertentu seterusnya menjadi kawasan perkampungan oleh kerana kedua-dua jenis kawasan ini mempunyai pentadbiran yang berlainan.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kedudukan kriteria ini terpolung kepada Kerajaan Negeri

menentukannya. Kementerian saya akan menerima.

ADUAN PENGGUNA

3. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pengaduan yang telah diterima daripada pengguna oleh Bahagian Hal Ehwal Pengguna di Kementerian setakat hari ini dan berapa banyakkah yang telah diselesaikan;
- (b) sama ada Kementerian akan menimbang untuk menubuhkan Tribunal Khas untuk mengendalikan masalah pengguna tanpa perlu melalui tindakan Mahkamah yang memakan masa panjang; dan
- (c) apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk menggalakkan pendidikan kepenggunaan di negara ini

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan pertama oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengenai jumlah pengaduan yang diterima oleh Bahagian Hal Ehwal Pengguna di Kementerian saya adalah terlalu umum kerana Yang Berhormat cuma menyatakan aduan yang diterima setakat hari ini tetapi tidak menyatakan semenjak bila.

Walau bagaimanapun, di sepanjang tahun 1979 jumlah aduan yang diterima daripada pengguna perseorangan dan persatuan pengguna ialah sebanyak 288 aduan. Dari jumlah tersebut, sebanyak 124 aduan adalah merupakan makluman dan perhatian sahaja, manakala baiknya telah dapat diselesaikan. Jumlah aduan yang diterima pada tahun 1980 pula ialah sebanyak 449 termasuk 139 untuk makluman. Ke semua aduan-aduan yang diterima dalam tahun 1980 telah dapat diselesaikan kecuali 12 aduan yang masih berada dalam tindakan Kementerian saya.

Jumlah aduan yang diterima dalam tahun 1981 setakat 10hb Oktober, tahun ini ialah sebanyak 243. Daripada jumlah ini 181 telah dapat diselesaikan dan bakinya sebanyak 62

masih lagi berada dalam tindakan penyelesaian. Jenis-jenis aduan yang diterima termasuklah, antara lain, aduan harga, amalan perniagaan, pesanan pos, mutu, perumahan, iklan yang mengelirukan, perkhidmatan, timbang dan sukat, bekalan dan aduan-aduan pelbagai.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertanyaan sama ada Kementerian saya akan menubuhkan satu Tribunal Khas untuk mengendalikan masalah pengguna tanpa melalui tindakan mahkamah, pada pendapat Kementerian adalah tidak perlu buat masa ini oleh kerana badan-badan yang mengendalikan hal ehwal pengguna yang ada sekarang adalah didapati mencukupi untuk menyelenggarakan aduan dan tuntutan daripada para pengguna.

Kementerian saya percaya bahawa mencegah adalah lebih baik daripada cuba mengubat dan berlandaskan kepada kepercayaan ini, Kementerian saya akan sentiasa berusaha menyebarkan pendidikan pengguna di negara ini untuk mewujudkan kesedaran kepenggunaan. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian saya untuk mendidik dan menyedarkan para pengguna termasuklah seminar-seminar pengguna di peringkat kawasan, mengadakan bengkel di peringkat kawasan untuk menggantikan seminar-seminar ini dan mengadakan pameran pengguna yang turut disertai oleh badan-badan Kerajaan yang berkaitan dan persatuan-persatuan pengguna yang berkenaan dan juga menerbit dan mengedarkan risalah-risalah kecil yang bersangkutan dengan kegunaan, menganjurkan pertandingan bahas, syarahan dan mengarang mengenai kepenggunaan bagi penuntut-penuntut sekolah menengah dan juga mendapatkan kerjasama Kementerian Pelajaran untuk memasukkan pendidikan pengguna ke dalam sistem pelajaran negara ini dan menggalakkan penglibatan media am bagi menyebarkan pendidikan kepenggunaan melalui ruangan pengguna di akhbar-akhbar, majalah-majalah, radio dan televisyen.

Tuan Lee Lam Thy: Tuan Speaker, tadi Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa beratus-ratus pengaduan ada disampaikan kepada Unit Pengguna dalam Kementerian yang berkaitan. Di sini suka saya bertanya

Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa banyak aduan-aduan ini telah dibuat oleh orang ramai ialah oleh sebab kelemahan dalam undang-undang perlindungan pengguna yang ada sekarang di mana boleh dieksploitkan oleh pihak pengilang dan jika beliau sedar saya ingin mendapat tahu sama ada pihak Kementerian berkenaan bercadang untuk mengkaji semula semua undang-undang perlindungan pengguna dengan tujuan untuk mengadakan atau mengemukakan Rang Undang-undang yang baru yang lebih berkesan untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian saya sentiasa mengkaji undang-undang yang ada sangkut-paut, dengan masalah pengguna dan sebenarnya Kementerian saya ada mempunyai satu Majlis Penasihat Pengguna yang menjadi satu punca pandangan dan pendapat tentang masalah ini.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri telah menerangkan tentang beberapa kes ataupun aduan yang dibuat kepada Kementerian beliau mengenai dengan penggunaan. Saya ingin bertanya beliau dalam kes-kes yang diselesaikan itu, apakah kes-kes itu menyentuh satu-satu kes sahaja atau penyelesaian menyeluruh umpamanya bila CAP menyatakan "sacchrine" itu patut diharamkan. Apakah tindakan Kerajaan terhadap kes yang menyeluruh itu?

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang Yang Berhormat itu sedia maklum bahawa pendekatan satu Kerajaan yang bergantung kepercayaan dan sokongan orang ramai melalui sistem pemilihan yang demokratik tentulah Kerajaan itu perlu bersikap terbuka kepada pandangan-pandangan yang dikirimkan oleh persatuan-persatuan yang terlibat di dalam sesuatu bidang yang tertentu dan apabila Ahli Yang Berhormat itu menyebut sama ada pengaduan-pengaduan yang saya bacakan tadi termasuk juga pengaduan-pengaduan yang khusus. Saya ingin menyatakan bahawa sepertimana dalam jawapan saya pengaduan-pengaduan itu datangnya daripada pihak-pihak yang tertentu daripada orang ramai dan juga daripada Persatuan-persatuan Pengguna.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Apakah langkah-langkah dan rancangan yang telah diambil oleh Kementerian untuk mempertingkatkan atau memperhebatkan pergerakan pengguna (consumers movement) sebagai langkah yang positif dan berkesan untuk menolong Kerajaan memerangi inflasi serta memperlindungi kepentingan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua: Sebahagian daripada jawapan kepada soalan tambahan itu sudah pun diberi tadi sebelum Yang Berhormat sampai ke Majlis ini. Ada hendak menambah lagi Yang Berhormat?

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tidak ada.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa buat masa sekarang ini pihak Kementerian tidak bercadang untuk menubuhkan satu Tribunal Khas. Di sini saya suka bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa Ketua Bahagian Penguatkuasa di dalam Kementerian pun telah pernah mencadangkan bahawa adalah perlu untuk mengadakan satu Tribunal Khas untuk mengendalikan semua masalah berkaitan dengan pengguna memandangkan bahawa kuasa pencegahan nampaknya tidak begitu cekap untuk mengatasi masalah itu.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, pendapat seseorang pegawai Kerajaan itu saya ingat tidak bolehlah dianggap sebagai pendapat Kerajaan pada keseluruhannya. Bagaimanapun macam mana saya sebutkan tadi bahawa setakat hari ini Kementerian tidak bertujuan untuk menubuhkan satu Tribunal Khas oleh kerana badan-badan yang mengendalikan hal-ehwal pengguna pada masa ini adalah didapati mencukupi untuk menyelesaikan masalah-masalah tentang aduan-aduan dan tuntutan daripada para pengguna.

HUKUMAN MATI DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

4. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan bilangan orang yang telah dikenakan hukuman mati mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri dan bilangan mereka yang diampunkan dan

dikenakan hukuman penjara seumur hidup (Life Imprisonment) oleh Lembaga Pengampunan (Pardons Board).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, jumlah orang yang telah didapati salah di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan dihukum mati oleh mahkamah sehingga 30hb. September, 1981 ialah 100 orang. Angka ini meliputi juga 27 orang yang dihukum mati semasa tempoh konfrantasi dulu. Dari 100 orang ini hukuman terhadap 37 orang telah diringkankan kepada hukuman penjara seumur hidup oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau pun Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja atas nasihat Lembaga Pengampunan berkenaan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu sesudah hukuman dibuat oleh pihak mahkamah, kemudian dikemukakan kepada Lembaga Pengampunan khususnya kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Tuanku sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi juga kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, berapa lamakah masa proses selepas diterima permohonan daripada mahkamah tadi yang telah ditimbang oleh Lembaga Pengampunan.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada had masa ditentukan. Ini terpulang kepada keadaan dan suasana. Bagaimanapun biasanya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenaan menimbangkan di dalam masa yang seberapa segera.

Tuan Karpal Singh: Soalan tambahan. Bolehkah saya tahu apa kriteria yang ada digunakan oleh Lembaga Pengampunan dalam perkara ini.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, ini terpulang kepada pertimbangan Jemaah Pengampunan menimbangkan di dalam satu-satu kes yang tertentu.

Datuk Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang

Berhormat Timbalan Menteri menerangkan daripada 100 orang yang telah dihukum seramai 37 orang yang telah dihukum mati. Soalan saya, kenapa selalu hukuman mati ini dijatuhkan waktu Subuh sahaja, adakah mesti hukuman mati itu di waktu Subuh atau boleh di waktu-waktu lain?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang 37 orang itu tidak jadi mati mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. (*Ketawa*). Dihukum mati, tetapi sudah diringankan hukumannya. Benar begitu Yang Berhormat?.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Ya (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai. Tidak hadir.

(*Soalan No. 5 Y.B. Datuk Haji Sakaran bin Dandai tidak hadir.*)

KEMEROSOTAN HARGA GETAH

6. **Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mencegah kemerosotan harga getah sekarang ini seperti dengan secara terus membeli getah lebih giat lagi dan menyimpannya atau mengadakan pakatan negara-negara pengeluar getah bagi menjayakan rancangan stok penimbal atau meminta negara pengeluar getah yang lain bersetuju mengurangkan pengeluaran getah.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama di Dewan yang mulia ini pada 27hb Oktober dan 3hb November, 1981 yang lalu iaitu semasa menjawab soalan-soalan oleh Yang Berhormat Tuan Wong Hoong Keat dan Yang Berhormat Datuk Haji Abu Bakar Umar. Saya tidak ada apa-apa tambahan.

SYARIKAT PENERBANGAN BARU— KEBENARAN

7. **Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau akan menggalakkan sebarang syarikat penerbangan baru untuk menjalankan

perkhidmatan dalam negeri di Sarawak dan juga di Malaysia untuk menunaikan kehendak negara kita dan bersaing dengan MAS supaya mutu perkhidmatan akan meningkat.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan menimbang untuk membenarkan syarikat penerbangan baru menjalankan perkhidmatan dalam negeri bagi sektor-sektor di mana MAS tidak mengadakan perkhidmatan sekarang ini. Kerajaan tidak menggalakkan penubuhan syarikat penerbangan baru bagi menjalankan perkhidmatan di sektor-sektor di mana MAS sedang menjalankan perkhidmatannya.

Pada masa ini, selain daripada MAS, terdapat beberapa buah syarikat-syarikat penerbangan kecil yang telah diberi lesen oleh Kerajaan untuk menjalankan perkhidmatan udara tidak berjadual ke tempat-tempat yang tidak diliputi oleh perkhidmatan MAS. Syarikat-syarikat ini adalah digalakkan menjalankan perkhidmatan tersebut sebagai perkhidmatan yang "complementary" bagi perkhidmatan MAS.

PASUKAN BERGERAK PENDAFTARAN NEGARA

8. **Tuan Sibat Miyut anak Tagong** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk menghantar pasukan bergerak Pendaftaran Negara ke rumah-rumah panjang dan kampung yang terpencil di Sarawak kerana pada masa ini terdapat lebih kurang 54% penduduk luar bandar masih tidak mempunyai Kad Pengenalan Kebangsaan dan Sijil Beranak serta lebih-lebih lagi mereka tidak mampu membayar kos pengangkutan yang tinggi apabila hendak pergi ke Pusat-pusat pendaftaran yang hanya terdapat di Pusat Pentadbiran di Sarawak.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pendaftaran Negara Sarawak bukan hanya setakat menimbang malahan sudah pun membuat dan menghantar pasukan-pasukan bergerak Pendaftaran ke rumah-rumah panjang di pedalaman dan kampung-kampung pada setiap tahun sejak tahun 1966 dengan tujuan

mendaftarkan penduduk-penduduk untuk mendapatkan kad pengenalan dan sijil beranak.

Pada tahun 1980 sahaja 160 buah kawasan pendalaman telah dilawati oleh pasukan bergerak Pendaftaran untuk tujuan mendaftarkan penduduk-penduduk bagi mendapatkan kad pengenalan dan sijil beranak. Walaupun lawatan tersebut dibuat pada setiap tahun tetapi masih banyak lagi kawasan-kawasan yang belum dilawati lagi dan ramai lagi yang belum mempunyai kad pengenalan dan sijil beranak. Ini adalah memandangkan bilangan rumah-rumah panjang di kampung-kampung tersebut terlalu banyak.

Selain daripada itu Jabatan Pendaftaran Negara Sarawak juga sudah pun menyusun dengan rapi program lawatan pasukan bergerak Pendaftaran ke kawasan-kawasan pendaftaran bagi tahun 1981.

SURAT "EXPRESS"

9. **Datuk Stephen Robert Evans** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) Sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan surat-surat yang ditanda "EXPRESS" tidak dihantar oleh posmen kepada yang empunya di alamat-alamat yang diberi tetapi sebaliknya mereka terpaksa mengambilnya dari Kotak-kotak Pejabat Pos dengan sendiri. Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki "keadaan yang teruk" ini memandangkan bahawa orang-orang ini membayar harga setem yang lebih untuk mendapatkan perkhidmatan pos yang paling baik; dan
- (b) sama ada beliau sedar bahawa surat-surat dari Kota Kinabalu akan mengambil masa 7 hari untuk sampai ke Keningau (jarak dari Kota Kinabalu ke Keningau hanya 85 batu). Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki perkhidmatan pos yang ada sekarang.

Menteri Tenaga Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan —

- (a) Peraturan pos mensyaratkan semua surat-surat express yang dialamatkan melalui peti surat hendaklah dihantar terus kepada alamat perniagaan ataupun alamat rumah pemilik peti surat. Di mana hanya terdapat alamat perniagaan maka penyerahan surat-surat express akan dibuat pada waktu pejabat dan di mana terdapat alamat rumah pula, alamat tersebut hendaklah di dalam lingkungan kawasan penyerahan. Serahan melalui peti surat akan hanya dibuat atas permintaan pemilik peti surat sendiri ataupun didapati bahawa alamat rumah penerima adalah diluar lingkungan kawasan penyerahan. Kadang-kadang juga terdapat surat-surat express dialamatkan kepada peti surat yang digunakan oleh orang selain daripada pemilik itu sendiri. Dalam keadaan seperti ini, alamat perniagaan ataupun alamat rumah adalah sukar didapati dan orang tersebut haruslah memungut suratnya daripada peti surat.
- (b) Mel dari Kota Kinabalu ke Keningau pada masa ini mengambil masa 3 hari. Mel yang diposkan pada hari pertama di Kota Kinabalu hanya dapat dihantar melalui keretapi pada hari berikutnya. (Keretapi bertolak tiap-tiap hari pada jam 7.45 pagi). Keretapi itu sampai ke Tenom kira-kira jam 4.00 petang dan dari sini van pejabat pos akan mengangkutnya ke pejabat pos Keningau dan tiba kira-kira biasanya jam 6.00 petang. Surat diserahkan pada hari ketiga selepas ianya diposkan.

Kes-kes keselamatan yang spesifik, jika ada, boleh ditujukan kepada Pengarah Pos Sabah bersama-sama dengan maklumat-maklumat yang perlu dan juga bukti-bukti yang ada.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, kalau benar dakwaan Ahli Yang Berhormat yang menyoal tadi, surat-surat daripada Kota Kinabalu ke Keningau mengambil masa 2 jam tiap-tiap batu dia berjalan; kalau mengikut jawapan Yang

Berhormat Menteri dia mengambil masa 4 jam lebih sebatu. Masalahnya ada satu masalah yang serius yang bukan sahaja mengenai Kota Kinabalu/Keningau tetapi berlaku di tempat-tempat lain. Soal saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah adakah Yang Berhormat Menteri bermaksud hendak membuat tinjauan menyeluruh ke atas Jabatan Pos supaya masalah kelambatan yang selalu sangat kita dengar di dalam Dewan ini dapat dihapuskan sama sekali pada masa yang singkat.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Pos memanglah sentiasa menentukan dan mengubahsuai perkhidmatannya dari semasa ke semasa. Tetapi untuk menumpukan kepada jawapan Kota Kinabalu ke Keningau tadi mungkin Yang Berhormat itu tidak mencukupi menyedari keadaan pengangkutan di tempat-tempat di negeri Sabah.

BEKALAN ELEKTRIK KEPADA KAWASAN PERUSAHAAN

10. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos sama ada Lembaga Letrik Negara boleh menggunakan formula BELB (bekalan elektrik luar bandar) kepada kawasan perusahaan (industrial estates) bagi negeri-negeri mundur seperti Kedah, Perlis, Kelantan dan lain-lain lagi, disebabkan formula yang sedia ada, tidak mungkin Kerajaan boleh mempercepatkan kewujudan perindustrian dalam negeri masing-masing disebabkan kurangnya budget negeri tersebut.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat saya memaklumkan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk menyerapkan kos caruman modal bagi bekalan elektrik untuk kawasan-kawasan perusahaan. Di sini ingin juga saya menarik perhatian bahawa lambat atau cepatnya kemajuan kawasan-kawasan perusahaan tidak bergantung kepada bekalan elektrik sahaja tetapi ia juga bergantung kepada faktor-faktor yang lain. Sebelum sesuatu

kawasan perusahaan itu dimajukan, Lembaga Letrik Negara akan diberitahu tentang keperluan kuasa elektriknya oleh pihak pemajunya yang biasanya adalah Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Setelah mengetahui tentang keperluan ini, barulah LLN akan membuat satu anggaran kos modal mengenainya. Anggaran ini akan dikemukakan kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang berkenaan untuk mendapat persetujuannya. Jika ia bersetuju untuk menanggung kos caruman modal, maka LLN akan menjalankan kerja-kerja infrastrukturnya untuk membekalkan elektrik. Sungguhpun Kerajaan Negeri terpaksa membayar kepada LLN untuk mengadakan infrastruktur elektrik dalam kawasan perindustrian, tetapi bayaran ini akan ditanggung oleh pengusaha-pengusaha. Pada hemat saya Tuan Yang di-Pertua, tidaklah wajar bagi Kerajaan-kerajaan Negeri memberi kemudahan elektrik dengan percuma kepada para pengusaha yang akan membeli lot-lot dalam kawasan-kawasan perusahaan itu. Jadi bagi kawasan perusahaan, yang membayar untuk infrastruktur termasuk elektrik ialah pengusaha-pengusaha berkenaan dan bukan Kerajaan Negeri.

PEMBAHAGIAN RUMAH KOS RENDAH

11. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bahawa dalam Rancangan Malaysia Keempat, Dewan Bandaraya akan mendirikan 30,000 unit rumah, sama ada beliau akan memastikan bahawa pembahagian rumah-rumah itu dapat mencerminkan komposisi kaum sama ada rumah pangsa, atau pun rumah kos rendah.

Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, selaras dengan dasar Kerajaan, Dewan Bandaraya adalah bertanggungjawab bagi memastikan supaya pembahagian peruntukan rumah-rumah pangsa kos rendah untuk disewa mencerminkan komposisi kaum di negara ini. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa gejala yang besar dalam mana komposisi

berdasarkan kaum ini tidak dapat diperseimbangkan iaitu antara lainnya:

(i) *Pemindahan setinggan-setinggan yang terlibat dengan projek Kerajaan*

Selaras dengan dasar Kerajaan memberi kemudahan tempat tinggal gantian kepada setinggan-setinggan yang terlibat dengan projek-projek pembangunan Kerajaan, Setinggan-setinggan ini telah dipindahkan ke rumah-rumah pangsa atau rumah-rumah panjang tanpa mengira kaum.

(ii) *Pemindahan mangsa bencana alam*

Bersamaan dengan prinsip dalam (i) mangsa-mangsa bencana alam juga diberi pertimbangan untuk dipindahkan ke rumah-rumah pangsa atau rumah-rumah panjang tanpa mengira kaum.

(iii) *Pilihan kawasan*

Terdapat unsur-unsur pilihan kawasan tertentu di mana komposisi penghuni-penghuni tidak dapat dilaksanakan. Ini ialah disebabkan mengikut banyaknya permohonan diterima dari sesuatu kaum dan kawasan-kawasan tertentu, bergantung kepada kehendak seorang itu di mana ia suka membuat permohonan untuk mendapat rumah yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, Dewan Bandaraya akan berusaha memastikan supaya imbang bilangan penghuni-penghuni di rumah-rumah kos rendah itu akan dapat mencerminkan komposisi kaum.

Tuan Lee Lam Thye: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu dari angka 30,000 unit rumah yang akan didirikan di bawah Rancangan Malaysia Keempat, berapakah peratus rumah condominium? Di samping itu suka saya mendapat tahu apakah sistem yang sedang dijalankan oleh pihak Dewan Bandaraya dalam pembahagian rumah-rumah untuk menentukan bahawa ini dapat dibuat secara adil?

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Tuan Yang di-Pertua, sementara ini belum dapat ditentukan dengan tepat

berapakah peratus untuk rumah condominium. Mengikut apa yang kita tahu rumah condominium itu merupakan rumah yang sederhana sedangkan yang hendak dibina ialah rumah kos rendah.

Mengenai dengan soalan yang kedua tadi, ini bergantung kepada masa dan keadaan.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan. Kalau saya tidak silap Yang Berhormat Menteri menerangkan bahawa 30,000 unit rumah yang akan didirikan itu ialah untuk disewakan. Jadi, adakah kesemuanya itu untuk disewakan atau ada rancangan untuk sebahagian daripadanya dijual kepada orang ramai.

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan hanya menyewakannya, sekiranya satu masa nanti diperlukan, maka itu akan dapat ditimbangan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa Bandaraya pun ada memperuntukkan rumah-rumah kepada mangsa-mangsa bencana alam. Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa nampaknya adalah tidak adil berkenaan dengan pembahagian rumah kepada mangsa-mangsa bencana alam oleh kerana di satu tempat di mana ada berlaku kebakaran, mangsanya tidak boleh mendapat rumah pangsa akan tetapi di lain tempat di mana kebakaran ini ada berlaku mereka ada mendapat rumah pangsa. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan di atas hal ini dan saya boleh menyampaikan buktinya.

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan bencana alam ini adalah satu perkara yang di luar kawalan kita dan kita akan sedaya-upaya menolong mereka, tetapi ini bergantung juga kepada keadaan pada waktu itu. Mungkin mereka yang terlibat itu boleh mengadakan tempat tinggal mereka sendiri ataupun mungkin pada masa itu rumah yang sedia ada belum lagi dapat diperolehi yang diperlukan oleh mereka yang terlibat. Namun demikian, segala usaha dibuat untuk membantu mereka yang terlibat dalam bencana alam.

Tuan Fung Ket Wing: (*Dengan izin*) The Minister said that the condominium houses in Kuala Lumpur will be rented out and if possible will be sold. The question I am asking is if the houses are rented out whether the Ministry will take responsibility for the maintenance of these houses?

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Tuan Yang di-Pertua, itu benar.

HOSPITAL PAKAR DI JOHOR

12. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada menjadi dasar Kerajaan untuk membenarkan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri dan lain-lain Perbadanan Awam untuk 'duplicate' perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan yang sedia ada seperti projek hospital pakar-pakar pemilikan PKEN Johor dan apakah tindakan-tindakan Kementerian beliau telah mengambil untuk menghentikan pembaziran "duplication" wang-wang dan sumber-sumber awam yang sangat kurang (scarce) itu.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi Dasar Kerajaan tidak membenarkan mana-mana Perbadanan-perbadanan Awam termasuk PKEN-PKEN menjalankan aktiviti yang bertindih dengan ataupun 'duplication' kepada perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan yang sedia ada, sekiranya penggandaan atau duplication dalam perkhidmatan tersebut semata-mata akan merupakan pembaziran. Namun demikian dengan perkembangan ekonomi yang pesat di negara ini sudah pasti ada kalanya penggandaan aktiviti-aktiviti oleh mana-mana Perbadanan Awam wajar dibenarkan oleh kerana untuk mencapai satu-satu matlamat tertentu seperti memenuhi Dasar Ekonomi Baru dan juga sekiranya penggandaan perkhidmatan itu tidak menjejaskan sektor perkhidmatan tersebut. Contoh yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat itu iaitu Pembinaan Hospital Pakar-pakar oleh PKEN Johor itu tidaklah tepat oleh kerana sebenarnya tidak berlaku apa-apa 'duplication' perkhidmatan Kerajaan dalam bidang itu. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, buat masa ini belum ada Hospital Pakar yang ditubuhkan oleh

Kerajaan di Negeri Johor, dan juga penubuhannya itu telah didorongkan oleh beberapa perkara yang dianggap wajar seperti:

- (i) Ramainya bilangan Warganegara Malaysia dan pihak-pihak yang tinggal di sini yang pergi ke negara jiran untuk mendapatkan rawatan pakar;
- (ii) PKEN Johor dapat berfungsi sebagai pengusaha perintis di bidang rawatan pakar dengan memberi peluang kepada doktor-doktor pakar berusaha sama di dalam Hospital tersebut;
- (iii) Dapat mengurangkan perpindahan pakar-pakar keluar negeri dan juga mendapatkan penyertaan pakar-pakar Bumiputra di Hospital tersebut.

Bahkan daripada bulan April 1981 sehingga akhir Ogos, 1981, seramai 2,300 orang pesakit telah dirawat di hospital tersebut yang mana mereka datang bukan sahaja dari negeri Johor tetapi juga dari Melaka, Sabah, Singapura dan Brunei.

Menyentuh perkara perkhidmatan-perkhidmatan 'duplication' yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu inginlah saya tegaskan bahawa supaya tidak berlaku apa-apa penggandaan kerja yang tidak berfaedah maka saya telah mengarahkan Perbadanan-perbadanan Awam di bawah Kementerian saya supaya mengadakan di mana yang perlu Jawatankuasa-jawatankuasa Koordinasi di antara mereka dan dikelolakan oleh Kementerian untuk mengesan dalam bidang-bidang manakah boleh diwujudkan kerjasama di antara Agensi-agensi. Begitu juga setiap projek yang hendak dijalankan oleh mana-mana Perbadanan Ekonomi Negeri adalah diteliti dahulu oleh sebuah Jawatankuasa Teknikal untuk memastikan sama ada projek itu wajar dijalankan oleh Perbadanan Awam itu sendiri ataupun tidak.

Mengenai pembaziran kewangan pula Kementerian saya mempunyai sistem-sistem kawalan ke atas semua peruntukan yang diluluskan dan usaha pengesanan adalah dijalankan dengan rapi.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa mereka yang berpendapatan tinggi atau yang boleh mendapat perkhidmatan-perkhidmatan daripada Specialist Centre tersebut oleh kerana bayaran-bayaran yang dikenakan sangat tinggi. Adakah ini antara matlamat atau tujuan-tujuan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri untuk mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan di mana barulah satu lapisan rakyat yang kaya boleh mendapat keuntungan, adakah ini antara prinsip Dasar Ekonomi Baru?

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, tidaklah boleh dikatakan bahawa Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri semunya hanya menumpukan kepada hanya golongan rakyat berpendapatan tinggi sahaja, iaitu memberikan perkhidmatan kepada mereka yang ada wang kerana banyak daripada aktiviti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang memberi faedah kepada rakyat jelata tidak mengira kaum, tidak mengira golongan pendapatan. Namun demikian, dari segi Hospital Pakar ini memang benar kerana Hospital Pakar ini dari segi jenis hospitalnya adalah ditubuhkan untuk mereka yang memerlukan rawatan pakar (specialist services) dan juga yang mampu membayar, memang benarlah dari segi ini sahaja. Tetapi ini tidaklah mengelabui pula hakikat bahawa SEDC pada keseluruhannya tidak mementingkan hanya satu golongan orang yang berpendapatan tinggi sahaja.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana telah dijawab dalam Dewan ini pada hari semalam dan pada hari ini berhubung dengan soal Hospital Pakar di Johor Bahru, iaitu kerjasama dengan SEDC, soalan saya adakah Kerajaan atau Kementerian akan menggalakkan SEDC yang lain supaya mengadakan hospital yang sama untuk kemudahan rakyat.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, tidak timbul soal menggalak atau tidak, ini mengikut keadaan. Kalau ada keperluan dan wajar dibuat dan ada kemampuan pula oleh SEDC itu mengadakan usaha printis, saya rasa ini tidak ada halangan

tetapi menggalakkan dengan sengajanya tidaklah begitu pula dasarnya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa tidak ada satu Specialist Centre di Johor dan sebab itu tidak ada duplication. Bukankah benar bahawa ada sebuah hospital di Johor Bahru di mana ada perkhidmatan-perkhidmatan specialist units di mana semua perkhidmatan-perkhidmatan specialist patutlah diberikan oleh hospital-hospital Kerajaan, bukankah ini satu duplication?

Yang kedua, bukankah ini akan menggalakkan di lain-lain negeri juga mengadakan projek-projek yang akan duplicate services Kerajaan yang ada?

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ada banyak bezanya rasa saya dengan satu perkhidmatan pakar di dalam hospital awam biasa dengan mengadakan satu hospital pakar khususnya, jadi tidak ada penggandaan bahkan pada diri saya menganggap ini sebagai satu penggenapan kepada usaha Kerajaan yang rasa saya belum cukup hari ini dari segi Hospital Pakar di Johor Bahru memberi perkhidmatan pakar. Ini macam saya katakan tadi tidaklah menjadi satu tauladan yang mesti diikuti oleh Perbadanan Awam Negeri-negeri yang lain oleh kerana mengikut kemampuan masing-masing dan mengikut sama ada ada keperluan atau tidak. Kita tidak akan membenarkan mana-mana Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri menubuhkan hospital pakar semata-mata kerana sudah ada satu contoh dibuat. Tiap-tiap Negeri PKEN ini berbeza kemampuan dan berbeza pula keutamaan (priority) bagi negeri itu.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan bersetuju dengan saya bahawa dengan kewujudan Hospital Pakar di Johor Bahru itu dan sehingga 2,700 orang yang berada pergi mendapat rawatan di situ memberi peluang kepada orang-orang yang tidak berada pergi ke hospital biasa. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa dengan wujudnya itu kita tolong orang miskin daripada tolong orang kaya.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetujulah, bagi yang mampu bayarlah.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam sama ada beliau sedar bahawa hari ini terdapat begitu banyak sekali hospital-hospital pakar yang dilaksanakan oleh bukan bumiputra, misalnya, Our Lady Hospital di Ipoh, Hospital Fatimah di Ipoh, Assunta di Kuala Lumpur dan berbagai-bagai lagi. Jadi adakah kemasukan SEDC Johor ini ke dalam projek hospital pakar ini sebagai satu penerokaan oleh bumiputra ke dalam projek-projek begitu.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan dalam jawapan asal tadi.

Tuan Lim Cho Hock: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa seseorang yang masuk ke hospital pakar dia tidak tahu bayaran yang dikenakan tetapi selepas mendapat ubat dan lain-lain, bil sampai, dia tengok bil sangat tinggi iaitu beberapa ribu ringgit. Kalau begini, bolehkah Kementerian kawal scale of fees di hospital pakar supaya orang-orang yang masuk ke hospital pakar bila mereka mendapat ubat dan lain-lain treatment mereka tahu berapa jumlah yang kena dibayar; bukan selepas itu baru mereka menengok bil, mereka boleh sakit lagi (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini patut dikemukakan kepada Menteri Kesihatan, melainkan Yang Berhormat Menteri hendak menjawab.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, memanglah kelazimannya rawat dahulu, bayar kemudian; hendak tengok sejauh mana hendak dioperate, hendak dibedah banyak atau tidak.

KADAR INFLASI

13. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Kewangan menyatakan kadar inflasi di negara ini dari bulan Jun 1981 hingga September 1981 dan apakah tindakan yang diambil untuk mengawal inflasi di negara ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, angka Petunjuk Harga Pengguna (AHP) yang digunakan sebagai pengukur kadar inflasi di negara ini telah meningkat pada kadar purata sebanyak 9.6% dalam tempoh enam bulan dalam tahun 1981 berbanding dengan tempoh yang sama dalam tahun 1980. Dalam bulan Julai AHP telah meningkat sebanyak 0.1% dan mencatatkan pertambahan purata sebanyak 9.7% berbanding dengan jangkamasa tujuh bulan dalam tahun 1980. Dalam bulan Ogos AHP telah meningkat sebanyak 9.7% sementara dalam bulan September AHP telah meningkat sebanyak 9.8% berbanding dengan tempoh sembilan bulan tahun 1980.

Tindakan-tindakan untuk mengawal inflasi di negara ini telah dihuraikan dalam Ucapan Belanjawan, 1982 dan juga semasa saya menjawab soalan Yang Berhormat dari Seremban pada 21hb Oktober yang lalu. Saya tidak bercadang untuk membuat sebarang tambahan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, daripada penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi jelas bahawa kadar pertumbuhan inflasi sekarang sedang meningkat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah beliau sedar bahawa salah satu daripada punca inflasi yang amat teruk pada masa ini ialah keadaan tingginya kadar faedah bank yang nampaknya tidak terkawal dan pihak pengusaha-pengusaha mendapati cost of fund terlalu tinggi dan terpaksa mereka turunkan kepada pengguna dan menyebabkan pihak pengguna-pengguna terpaksa membayar harga barangan yang lebih tinggi. Jadi, saya hendak tahu apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh pihak Kementerian yang berkenaan untuk mengawal salah satu daripada punca besar yang menyebabkan meningkat tingginya paras inflasi di negara kita sekarang?

Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada dua punca besar yang telah mendorong kenaikan inflasi di dalam negara kita ini iaitu pertamanya kenaikan harga bahan-bahan makanan dan kedua, kenaikan harga barang-barang yang diimport. Saya tidak

dapat menerima bahawa kenaikan kadar faedah yang dikenakan oleh bank sebagai satu punca utama yang menyebabkan kenaikan kadar inflasi di negara kita ini. Kedua-dua faktor tersebut lebih penting daripada kadar faedah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 14.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini akan saya kemukakan setelah selesai soalan-soalan yang lain mengikut pindaan baru kepada Peraturan Mesyuarat.

Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Muhammad.

KAYU COTA POLIS

15. Tuan Ibrahim bin Muhammad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penggunaan cota oleh polis dalam menjalankan tugas akan melambatkan usaha mengawal keselamatan terutama di bandar-bandar di mana sering berlaku rompakan dan pergaduhan kongsi-kongsi gelap dan sama ada usaha ini merupakan asas percubaan sahaja sehingga satu sistem boleh diamalkan dengan membekalkan senjata kepada polis semasa menjalankan tugas di masa hadapan.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan dalam soalan ini telah pun dijawab semasa saya memberi jawapan kepada soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Panti pada 14-10-1981. Oleh itu, saya tidak ada apa-apa perkara baru untuk ditambah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato Michael Chen Wing Sum.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 16.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini juga akan saya kemukakan di akhir waktu soal jawab.

Yang Berhormat Tuan V. David.

Tuan Peter Paul Dason: Tuan Speaker, dengan izin, soalan No. 17.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini juga sama seperti soalan yang sebelum daripada ini.

Yang Berhormat Tuan Seow Hun Khim.

NELAYAN PUKAT TUNDA

18. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pindaan kepada Akta Perikanan yang berkuatkuasa pada 1-7-1981 telah menyusahkan nelayan pukat tunda, jika ya, nyatakan sama ada beliau akan memberi pertimbangan untuk membatalkan akta ini atau mengambil langkah untuk mengurangkan penderitaan nelayan pukat tunda.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, pertimbangan telah dibuat dan adalah difikirkan bahawa pindaan itu tidak akan menjejaskan mata pencarian nelayan pukat tunda. Oleh yang demikian, pada masa ini tidak perlu untuk meminda Peraturan-peraturan tersebut. Walau bagaimanapun, Jabatan Perikanan akan terus mengkaji perkembangan-perkembangan selanjutnya yang berbangkit daripada pelaksanaan pindaan tersebut dan akan mengatasi apa-apa masalah yang akan timbul.

Tuan Fung Ket Wing: I would like to ask the Minister whether the Fisheries Act is being implemented in Sabah.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ulang lagi soalan itu.

Tuan Fung Ket Wing: It is mentioned here that the Fisheries Act came into force on 1-7-1981. I would like to ask whether this Act is implemented in Sabah also?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya balik kepada soalan No. 14 iaitu soalnya sekarang atas nama Yang Berhormat dari Menglembu.

AKTA PERTUBUHAN (PINDAAN) 1981

14. Tuan P. Patto (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang

memansuhkan Akta Pertubuhan (Pindaan) 1981 memandangkan banyak pertubuhan-pertubuhan dan sebilangan besar rakyat menentang Akta tersebut, jika tidak, mengapa.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang hampir sama telah pun dijawab pada 16-10-1981. Saya tidak bercadang hendak membuat apa-apa tambahan.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Sejak hari itu, adakah Kerajaan menerima bantahan daripada lain-lain pertubuhan dan kalau ada, adakah pihak Kementerian mengkaji semula seluruh Akta Pertubuhan (Pindaan) 1981 memandangkan ada menerima bantahan daripada tarikh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebut tadi.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya tidak ada, tetapi kalau adapun pendiriannya sama.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang soalan daripada Yang Berhormat Dato Michael Chen Wing Sum atas nama Yang Berhormat dari Telok Anson.

BIASISWA PENUNTUT DI LUAR NEGERI

16. **Tuan Au How Cheong** (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah biasiswa untuk penuntut-penuntut yang belajar di luar negeri dan beberapa penuntut-penuntut yang telah memperolehi biasiswa itu.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan ada menawarkan biasiswa untuk mengikuti pengajian di luar negeri dalam dua peringkat.

1. Kursus-kursus di peringkat Ijazah Pertama.
2. Kursus-kursus di peringkat Ijazah Lanjutan.

Bagi kursus ijazah pertama perkara-perkara yang diutamakan adalah mengikut keperluan-keperluan negara serta kursus-kursus yang tidak ada ditawarkan di universiti-universiti tempatan dan bagi kursus

di peringkat Ijazah Lanjutan iaitu kursus di peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah hanya terbuka kepada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat.

Mengenai bilangan penuntut-penuntut dan pegawai-pegawai yang telah dihadiahkan biasiswa untuk pengajian di seberang laut di tahun-tahun sebelum 1981 adalah dalam lingkungan 8,900 ke semuanya.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam penjelasan Timbalan Menteri tadi menerangkan Kerajaan Persekutuan ada memberi biasiswa ke seberang laut. Soalan saya, kalau seseorang murid yang telah ditawarkan biasiswa oleh Kerajaan Pusat, kemudian dia dapat pula biasiswa daripada mana-mana Kerajaan lain, atau mana-mana foundation atau yayasan lain, adakah ini menjadi kesalahan kepada hak mendapat biasiswa?

Dato Chan Siang Sun: Jikalau seseorang penuntut mendapat tawaran dua pihak, itu bergantunglah kepada pilihan beliau sendiri untuk memilih satu daripada dua.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang soalan nombor 17, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera.

SIDEK GHOUSE—TINDAKAN

17. **Tuan Peter Paul Dason** (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa beliau belum mengambil tindakan di atas Encik Sidek Ghouse, Setiausaha Politik kepada Timbalan Perdana Menteri di masa itu walaupun aktivitinya telah di ketahui dalam tahun 1977.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang hampir sama telah pun saya beri pada 2hb Oktober, 1981. Saya tidak bercadang hendak membuat apa-apa tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1 dan 5 adalah diberi di bawah ini)

MENGESAN PROJEK PEMBANGUNAN— SISTEM BARU

1. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bahawa apakah sistem baru telah diadakan untuk memastikan setiap projek pembangunan yang dirancangkan ini dapat dijalankan dengan berjayanya dalam jadual waktu yang ditetapkan, dan kes-kes fiasco ini dapat dielakkan supaya matlamat pembangunan negara dapat dicapai dan wang rakyat dapat dijimatkan.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Sanusi bin Junid): Kementerian saya tidak ada sistem baru. Tetapi saya ingin memaklumkan di sini bahawa Jabatan Perdana Menteri telah mewujudkan satu Sistem Pengesanan Projek dengan bertujuan untuk mengesan kemajuan pelaksanaan projek-projek pembangunan dan membolehkan keputusan-keputusan yang baik dibuat bagi mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan. Laporan kemajuan ke atas pelaksanaan projek-projek pembangunan adalah disediakan pada tiap-tiap suku tahun oleh Kementerian-kementerian dan Agensi-agensi Kerajaan, untuk membolehkan Jabatan Perdana Menteri mengemaskinikan maklumat-maklumat mengenai kemajuan pelaksanaan projek-projek pembangunan. Analisa kemajuan pelaksanaan projek-projek disediakan oleh Jabatan Perdana Menteri pada tiap-tiap suku tahun dan analisa ini dihantar balik kepada Kementerian/Agensi-agensi Kerajaan untuk membolehkan Kementerian-kementerian/Agensi-agensi Kerajaan mengambil tindakan-tindakan yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah-masalah serta mempercepatkan pelaksanaan projek pembangunan.

Di samping itu ingin juga saya memberitahu Yang Berhormat bahawa Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet mengenai langkah-langkah mempercepatkan Projek-projek Pembangunan. Semua Kementerian/Agensi Kerajaan telah diarah melaksanakan perakuan-perakuan yang terdapat dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet tersebut untuk menjamin supaya pelaksanaan projek-projek pembangunan dapat dijalankan dengan jayanya.

PEJABAT TELEKOM DI SEMPORNA

5. **Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah Kementerian beliau bercadang hendak memperbesarkan Pejabat Telekom di Semporna kerana pejabat ada sekarang sudah lama lagipun kecil dan terdapat beberapa kerosakan dalam bangunan. Jika ya, bilakah cadangan ini dimulakan.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Bagi makluman Ahli Yang Berhormat Jabatan Telekom memang mempunyai cadangan untuk memperbesarkan lagi bangunan Pejabat Telekom di Semporna dan satu permohonan untuk mendapatkan kelulusan pelan telah pun dimajukan kepada Jabatan Kerja Raya Sabah pada bulan Ogos baru-baru ini. Adalah dianggarkan perbelanjaan bagi membina bangunan pejabat Telekom yang baru adalah berjumlah sebanyak \$400,000/=. Kerja-kerja pembinaan bangunan tersebut dijangka dapat disiapkan pada pertengahan tahun 1983.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1982

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (3hb November, 1981).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1982

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah

wang sebanyak tidak lebih daripada \$14,631,547,379 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1982, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau, ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1982 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 tahun 1981, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruang tujuh dan lapan senarai tersebut. (3hb November, 1981).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini ialah hari yang keenam membahaskan usul di hadapan Majlis ini dan sebagaimana saya telah umumkan pada hari semalam mulai daripada hari ini Ahli-ahli Yang Berhormat dibenarkan berucap tidak lebih daripada 30 minit dan saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson menyambung ucapannya selama 10 minit lagi.

3.32 ptg.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, semalam saya pun telah menyentuh tentang tindakan-tindakan berlainan yang telah diambil oleh Kerajaan-kerajaan Negeri berlainan terhadap masalah setinggan dan saya telah menyatakan setengah-setengah setinggan di Kuala Lumpur telah dilayani dengan baiknya sementara undang-undang tertentu telah dikuatkuasakan dengan sekeras-kerasnya terhadap setinggan-setinggan di kawasan-kawasan yang lain.

Saya berpendapat tidaklah ada keadilan sosial bagi Kerajaan membekalkan kemudahan-kemudahan asas itu kepada rumah-rumah setinggan di Kuala Lumpur yang sebenarnya adalah rumah-rumah haram, sementara rumah penduduk luar bandar telah menunggu selama lebih daripada 10 tahun dan tidak dapat menikmati kemudahan-kemudahan asas itu. Tidaklah ada salahnya bagi setengah-setengah orang yang mengatakan bahawa adalah lebih selesa bagi mereka mendiami di kawasan-kawasan setinggan itu daripada kawasan luar bandar. Mungkin keadaan itu telah menggalakkan lebih ramai penduduk luar bandar supaya berhijrah ke bandar-bandar untuk menjadi

setinggan. Oleh itu, saya ingin merayu kepada Kerajaan Pusat supaya mengadakan suatu dasar kebangsaan seragam terhadap masalah setinggan itu supaya orang-orang yang menghadapi masalah yang sama dilayani dengan tindakan-tindakan yang sama juga.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada strategi Belanjawan 1982 ialah untuk mengutamakan perkembangan aktiviti-aktiviti ekonomi dalam negeri supaya pertumbuhan yang lebih tinggi dapat dicapai melalui peningkatan pengeluaran dan menyusun semula galakan-galakan cukai.

Dalam hubungan ini, saya ingin menyentuh tentang bayaran bonus oleh syarikat-syarikat swasta kepada pekerja-pekerjanya. Pada masa sekarang bayaran bonus yang tidak lebih daripada dua bulan, dianggap sebagai sebahagian perbelanjaan sesebuah syarikat dan bonus itu boleh dipotong daripada keuntungan tahunan syarikat itu. Dengan perkataan lain bayaran bonus lebih daripada dua bulan tidak boleh dipotong daripada keuntungannya. Peraturan ini di bawah Seksyen 39 Income Tax Act telah tidak menggalakkan syarikat-syarikat membayar bonus lebih daripada dua bulan, sungguhpun majikan-majikan tertentu sanggup membayarnya dan pekerja-pekerja patut mendapat atau deserve to be paid bonus lebih daripada dua bulan kerana mereka telah meningkatkan kecekapan dan pengeluaran. Oleh itu saya merayu kepada Kerajaan supaya mengkaji semula peraturan ini dan menimbangkan supaya semua bayaran bonus walaupun lebih daripada 2 bulan boleh set against profit. Ini akan menggalakkan banyak majikan untuk membayar bonus lebih daripada dua bulan.

Tuan Yang di-Pertua, satu galakan yang disediakan kepada industri-industri di dalam sektor perkilangan ialah pengecualian duti import. Industri-industri yang mengimport bahan-bahan mentah yang dikenakan 2% atau 3% duti import memohon untuk dikecualikan dari duti itu sekiranya mereka mematuhi Dasar Ekonomi Baru. Saya faham tujuan peruntukan ini dan saya percaya setengah-setengah kilang akan mempergunakan kesempatan ini atau take advantage kedudukan ini untuk menyesuaikan atau adjust penyertaan equiti penggunaan tenaga

dan lain-lain tetapi bagi mereka yang tidak dapat membuat perubahan-perubahan ini oleh kerana sebab-sebab tertentu mereka akan menghadapi kesulitan-kesulitan atau kecacatan-kecacatan tertentu. Kilang-kilang itu tidak dapat bersaing atas asas (basis) yang sama, dengan izin, "cannot compete under the same footing". Ini disebabkan kos bahan mentah adalah tidak sama dan kos bahan mentah akan menjejaskan harga jualan bagi barang-barang yang dihasilkan itu. Oleh itu saya berpendapat insentif dalam bentuk yang lain patut diperkenalkan untuk menggalakkan syarikat-syarikat swasta supaya meresponkan kepada kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru. Penyesuaian kelepasan cukai patut dilakukan di peringkat hujung tahun dan bukan di peringkat awal atau at source.

Saya ingin mencadangkan bagi syarikat-syarikat yang telah menunaikan syarat-syarat Dasar Ekonomi Baru sebahagian keuntungannya dikecualikan untuk membayar income tax. Sekiranya keculian duti diberi di peringkat awal iaitu pada masa pengimportan bahan mentah itu, syarikat-syarikat tertentu akan terjejas dan tidak dapat bertanding atas basis yang sama. Saya berharap cadangan ini dapat dipertimbangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar.

3.38 ptg.

Dato' Edwin Tangkun (Batang Lupar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh atas Belanjawan bagi tahun 1982 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Tengku Menteri Kewangan pada 23hb Oktober, 1981. Di samping itu saya suka turut mengambil bahagian untuk bercakap dalam beberapa perkara yang terkandung di dalam tahun 1982.

Di dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri telah menggesa rakyat tidak pilih bangsa dan ugama untuk menerima usaha-usaha Kerajaan kerana jika usaha Kerajaan ini disambut dengan baik, maka ini akan dapat menjayakan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Pada pendapat saya bahawa Belanjawan 1982 ini tidak mengenakan dengan sebarang

cukai baru akan tetapi Kerajaan akan mencari jalan baru untuk mengurangkan dan menghapuskan duti cukai tokok dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Belanjawan 1982 ini akan menelan belanja yang berjuta-juta ringgit, tetapi masih banyak masalah-masalah telah didapati khasnya masalah diperingkat negeri. Masalah ini telah tidak dapat dinafikan, kerana mengikut Laporan Ketua Odit Negara, Kertas Perintah 1981 banyak kelemahan-kelemahan khasnya di Peringkat Majlis Daerah Bahagian. Saya difahamkan contohnya dengan izin bahawa di kawasan saya, Batang Lupar iaitu Majlis Daerah Batang Lupar telah membuat lebih 30 permohonan daripada Kerajaan. Permohonan ini untuk mewujudkan kepada beberapa pecahan-kepala perbelanjaan pada tahun 1981, tetapi permohonan ini belum dapat dijelaskan, dan oleh hal yang demikian timbullah kelemahan di majlis tersebut. Pada pendapat saya oleh kerana banyak Majlis-majlis di seluruh Bahagian di negeri Sarawak disebabkan banyak kelemahan mengikut Laporan Ketua Audit Negara, jadi saya fikir permohonan-permohonan yang dibuat oleh seluruh Majlis Bahagian perlulah di ambil perhatian oleh Kerajaan Pusat supaya tiap-tiap Majlis Daerah di negeri Sarawak akan dapat menjalankan tugas yang amat penting kepada rakyat dan negara. Di dalam hal ini saya berharap bahawa perkara pinjaman wang kepada seluruh Majlis Daerah perlulah dipertimbangkan di masa hadapan oleh Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk meninggikan taraf hidup rakyat di kawasan luar bandar Sarawak, ingin saya menegaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa pendapatan penduduk-penduduk di kawasan luar bandar di Sarawak, sangat jauh ketinggalan kalaulah dibandingkan dengan pendapatan penduduk-penduduk luar bandar di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa negeri Sarawak sebuah negara dalam Malaysia yang sangat besar dan banyak kawasan-kawasan sawah luas dan subur, akan tetapi dibiarkan. Hampir 18 tahun negeri Sarawak merdeka dalam Malaysia, dan tahun demi tahun kami telah menyampaikan

perasaan rakyat pada Dewan yang mulia ini untuk dipertimbangkan oleh pihak yang bertanggungjawab. Oleh kerana negeri Sarawak masih jauh ketinggalan di bidang pertanian, maka perlulah Kerajaan Pusat mengkaji semula, mengatur strategi-strategi yang baru dan menyediakan program-program yang baru untuk memodenkan sektor pertanian.

Kerajaan Negeri Sarawak sentiasa mencari jalan, untuk mengembangkan dan memajukan kaum petani, Kerajaan Negeri juga telah membantu rakyat dan kaum petani dengan memberi subsidi seperti cangkul dan racun serangga. Tetapi subsidi yang telah diberikan oleh Kerajaan itu tidak memuaskan kepada kaum petani, subsidi ini tidak dapat menambahkan hasil kaum petani bahkan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri bersama-sama bertanggungjawab untuk memulihkan, dan mempercepatkan, mengatur sektor pertanian moden di negeri Sarawak. Kalau Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri tidak mengatur sektor pertanian moden dengan segera, saya fikir negeri Sarawak mungkin 50 tahun yang akan datang terpaksa mengimport beras dari luar negeri, kerana pada masa ini kebanyakan beras diimport dari Thailand dan juga dari Kedah. Oleh hal yang demikian, saya ingin bertanya dalam Dewan yang mulia ini, apakah pihak yang bertanggungjawab dan mengapakah sebab sektor pertanian masih belum diatur dan belum dapat dipermodernkan di negeri Sarawak. Adakah ini menyebabkan kekurangan pakar-pakar dan sebagainya? Kalaulah ini timbul disebabkan kekurangan wang, saya fikir ini bukan menjadi masalah, kerana Kerajaan Pusat sentiasa meminjam wang dari negeri seberang laut dan oleh yang demikian saya berharap bahawa Kerajaan Pusat perlulah menyalurkan berlipatganda peruntukan wang kepada Kementerian Pertanian di negeri Sarawak supaya sektor pertanian moden negeri Sarawak akan dapat dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu yang sering berlaku pada Kerajaan Negeri ialah masalah kelewatan wang atau waran yang diberi kepada Kerajaan Negeri. Jadi, saya fikir peruntukan wang yang telah disediakan kepada Kerajaan Negeri perlulah dihantarkan dengan secepat mungkin supaya rancangan

yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri akan dapat dilaksanakan dengan sesuai dan teratur, dan di dalam hal kelewatan wang yang diberi kepada Kerajaan Negeri ini. Saya di sini sekali lagi merayu kepada pihak yang bertanggungjawab, supaya peruntukan yang telah disediakan kepada semua peringkat negeri akan diberi dengan seberapa segera.

Berhubung dengan pengambilan tanah untuk rancangan dalam Rancangan Malaysia Keempat, ingin juga saya di sini merayu kepada pihak yang bertanggungjawab supaya perkara pengambilan tanah, khasnya di negeri Sarawak akan dapat dikaji dengan teliti, kerana jika pengambilan tanah ini sangat lambat, rancangan pembangunan atau rancangan tanaman tidak dapat dipercepatkan. Pada hari ini kebanyakan tanah di kawasan luar bandar dipunyai oleh kaum bumiputera dan di dalam hal pengambilan tanah, saya fikir Kerajaan Barisan Nasional perlulah mengkaji semula mengenai harga tanah, kerana saya berpendapat bahawa harga tanah di kawasan luar bandar sangat murah, dan jika Kerajaan tidak beri pertimbangan kepada tuan punya tanah, bilakah kaum bumiputera di kawasan luar bandar akan mendapat nasib yang baik. Masanya telah tiba dan inilah peluang rakyat yang tinggal di kawasan luar bandar akan menerima nasib dan pembayaran pengambilan tanah di kawasan luar bandar perlu dikaji. Harga tanah yang diambil oleh Kerajaan untuk rancangan sepatutnya dibayar dengan harga yang memuaskan kepada tuanpunya tanah.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada Anggaran Belanjawan dalam tahun 1982 ini iaitu berhubung dengan rancangan skim perumahan di negeri Sarawak. Pada pandangan saya skim perumahan perlu digalakkan dari masa ke semasa. Perumahan adalah merupakan satu bidang yang terbesar untuk memberi rakyat tempat tinggal dengan memuaskan, dan selain dari itu Kerajaan juga perlu memberi kemudahan-kemudahan kepada pihak swasta supaya pihak swasta ini akan dapat memainkan peranan mereka dengan teratur.

Berhubung dengan Laporan Suruhanjaya Perumahan Negeri Sarawak, saya berasa tidak puas hati kerana saya difahamkan bahawa

banyak permohonan dari kaum bumiputera di Sarawak untuk mendirikan rumah-rumah atau untuk memperbaiki rumah-rumah mereka, polisi Kerajaan di peringkat Negeri telah berjalan terus, tetapi oleh kerana peruntukan wang di bawah Kementerian Perumahan pada tahun 1980 wang yang diperuntukkan tidak mencukupi, jadi banyakkah permohonan orang ramai dibiarkan. Dalam tahun kebelakangan mungkin 3,000 permohonan orang ramai dan dari 3,000 permohonan ini tidak sampai 20% yang akan dipertimbangkan oleh Kerajaan. Bagi permohonan dari kaum bumiputera luar bandar untuk menyiapkan dan memperbaiki rumah-rumah mereka saya dapati 2% sahaja yang akan dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan. Saya difahamkan bahawa masih banyak permohonan untuk menyiapkan atau memperbaiki rumah-rumah di kawasan luar bandar disampaikan kepada Suruhanjaya Perumahan di Kuching, Sarawak. Oleh hal yang demikian, Kerajaan Persekutuan perlulah mengambil perhatian supaya permohonan untuk menyiapkan rumah-rumah dan memperbaiki rumah-rumah di kawasan luar bandar dapat meningkat dari 2% ke 10% dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan tahun hadapan Yang Berhormat Menteri Kewangan juga menyediakan peruntukan wang sebanyak \$3,316 juta untuk Belanja Mengurus Keselamatan atau 10% dari jumlah Belanjawan untuk menjayakan keselamatan negeri ini dan rakyat sekalian juga telah diarahkan supaya dapat bekerjasama dengan Kerajaan untuk menghapuskan anasir-anasir komunis di seluruh negara, khasnya anasir-anasir komunis di negeri Sarawak.

Pada pendapat saya anasir komunis di negeri Sarawak telah dapat dikawal kerana anasir-anasir komunis di negeri tersebut tidak dapat sokongan penuh dari orang ramai. Walaupun demikian, Kerajaan Pusat akan perlu berhati-hati dari masa ke semasa untuk menambahkan dan mengadakan pemodenan senjata yang diperlukan oleh tentera kita supaya jika sekiranya negeri kita diancam musuh dari luar negeri, maka rakyat kita tidak berasa bimbang dan harapan rakyat, khasnya rakyat di luar bandar meminta negara di dalam ASEAN ini lebih rapat lagi

bekerjasama di antara negara di dalam ASEAN supaya sekiranya ada berlaku musuh dari luar negeri mengancam negara kita, Kerajaan ASEAN telah cekap dan telah bersedia untuk mempertahankan negara di dalam ASEAN. Negara ASEAN juga perlu mencari satu kawasan yang penting untuk menyediakan tempat tentera ASEAN, pada pendapat saya kawasan yang sesuai untuk menempatkan tentera ASEAN ialah di Sarawak dan Sabah ataupun termasuk kawasan Indonesia di Pulau Kalimantan kerana kawasan tersebut sangat luas untuk menempatkan tentera ASEAN. Kerajaan ASEAN perlu juga bersedia payung sebelum hari hujan. Kita telah penuh mempelajari di negara seberang laut banyak perkara ini telah berlaku, misalnya di Afghanistan, Kampuchea dan sebagainya. Inilah satu contoh negara ASEAN perlu bekerjasama di bidang mempertahankan negara ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar perbelanjaan yang telah disediakan ialah kepada pelajaran iaitu sebanyak \$1,078 juta. Saya di sini terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Pusat, kerana anggaran belanjawan dalam tahun 1982 ini agak mencukupi diperuntukkan kepada Jabatan Pelajaran. Saya minta penjelasan sedikit. Yang pertama berhubung dengan belanjawan di Jabatan Pelajaran di negeri Sarawak, dalam tahun kebelakangan pihak Jabatan Pelajaran negeri Sarawak, tidak dapat melicinkan segala tuntutan orang ramai berkaitan dengan banyak rumah-rumah sekolah rendah, bangku-bangku sekolah dan rumah guru-guru di kawasan luar bandar, yang telah hampir buruk dan selama ini juga telah dibiarkan. Oleh sebab anggaran belanja mengurus telah disediakan dengan lebih besar pada tahun ini, saya yakin bahawa semua rumah sekolah Kerajaan, bangku-bangku sekolah dan rumah perguruan akan dapat diperbaiki dengan secepat mungkin.

Selain dari itu ingin juga saya menyentuh sistem kenaikan pangkat guru-guru yang betul-betul berkelayakan, berdedikasi dan berpengalaman. Saya difahamkan bahawa guru-guru yang mengajar di kawasan luar bandar tidak puas hati terhadap sistem kenaikan pangkat kepada mereka yang penuh disiplin dan amat bergiat dalam memajukan

murid-murid dalam semua bidang dan juga menyokong penuh kepada dasar-dasar Kerajaan. Dalam hal ini saya berharap bahawa Kerajaan perlulah mengambil perhatian supaya sistem kenaikan pangkat kepada guru-guru di seluruh negara khususnya di negeri Sarawak akan dapat dikaji dengan teliti. Saya difahamkan seluruh Jabatan Pelajaran mungkin ada menyimpan rekod perguruan dan rekod-rekod ini penuh dengan mempunyai rekod kemajuan murid-murid dan sebagainya dan oleh hal yang demikian, saya sekali lagi merayu kepada pihak yang berkenaan supaya sistem kenaikan pangkat ini akan dapat dijalankan dengan betul.

Yang kedua, peruntukan sebanyak \$45 juta disediakan sebagai subsidi kepada kanak-kanak di seluruh negara. Jadi ini juga termasuk kanak-kanak parti Pembangkang. Anggaran perbelanjaan pada tahun hadapan bukan kira memancing undi seperti apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Petaling. Sebagai Ahli Parlimen dari Sarawak kami mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Menteri Kewangan kerana dalam dua tahun berturut-turut Kerajaan Pusat telah menyalurkan peruntukan wang kepada semua sekolah rendah dan sekolah menengah Kerajaan di seluruh negara Malaysia. Ini satu bukti mencerminkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional cukup jelas memerintah negara ini. Walaupun demikian pihak parti Pembangkang masih membuat kritik-kritik dalam Dewan yang mulia ini.

Petang semalam Yang Berhormat dari Batu Gajah panjang lebar bercakap berkenaan dengan masalah-masalah negeri Sarawak. Saya fikir Yang Berhormat itu mendengar cerita sahaja. Kami Ahli-ahli dari Sarawak berulang-ulang kali bercakap dalam Dewan yang mulia ini untuk menyampaikan perasaan rakyat Sarawak. Sebenarnya beliau bercakap untuk meninggikan semangat parti mereka di Sarawak. Mereka ingin memancing undi rakyat di Sarawak. Yang Berhormat dari Batu Gajah itu juga tidak ada pengalaman yang penuh dengan hal Sarawak tetapi beliau mungkin ada pengalaman lebih daripada kami iaitu pengalaman cara-cara di Batu Gajah atau di Kamunting Camp. Parti DAP tidak ada modal lagi untuk bercakap dalam Dewan

yang mulia ini bahkan DAP bercakap untuk mereka kempen sahaja dalam Dewan yang mulia ini. Rakyat di Semenanjung ini telah faham apakah tujuan parti DAP. Kita semua sedia maklum pada hari ini banyak Ahli-ahli parti DAP telah meninggalkan parti mereka, dan kemudian Ahli-ahli parti mereka menjadi Ahli parti Barisan. Ini sudah pasti bahawa parti DAP mungkin ada salahguna dan menyeleweng dari polisi yang asal. Kita harap seluruh rakyat di Semenanjung, Sabah dan Sarawak patutlah berhati-hati kerana mungkin ada Ahli-ahli dari parti DAP itu menjalankan polisi parti mereka dengan salahguna kepada negara khususnya kepada rakyat yang ingin bersatu-padu di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cukai barangan, Yang Berhormat Mulia Tengku Menteri Kewangan telah juga mengambil berat atas masalah-masalah yang sering berlaku di negara kita. Di dalam ucapan beliau, beliau menyatakan Kerajaan tidak bercadang menaikkan cukai-cukai bahkan Kerajaan Barisan Nasional akan mencari satu jalan supaya mengurangkan duti cukai tokok dan menghapuskan cukai barang-barang yang perlu kepada rakyat supaya rakyat yang berpendapatan rendah tidak berasa sedih tetapi dapat seimbang dengan pendapatan mereka. Selain dari itu Kerajaan juga akan memberi kemudahan-kemudahan kepada pelancung-pelancung yang datang ke negara kita dan saya fikir pelancung-pelancung dari luar negeri tidak ragu-ragu lagi kerana mungkin tidak lama lagi pertukaran wang Singapura dengan wang ringgit Malaysia akan sama. Inilah tujuan Kerajaan kita tidak menaikkan cukai barang-barang tetapi cukai-cukai barang di Malaysia akan perlu sama dengan cukai-cukai barang di Singapura. Kalau tidak disamakan maka sebuah negara yang berdekatan akan dapat memainkan peranan mereka kepada satu negara yang berdekatan. Perkara ini sangat penting dan perlu diambil perhatian dari masa ke semasa oleh Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali berhubung dengan kemerosotan harga getah dan lada hitam di pasaran dunia pada hari ini. Saya sangat bimbang kerana rakyat kaum bumiputra di kawasan luar bandar di Sarawak

pada tahun lapan puluhan ini banyak telah berhijrah ke negara seberang laut seperti ke negeri Arab, Singapura, Brunei dan Sabah. Mereka mencari pekerjaan sebagai kuli.

Saya berpendapat di kawasan saya mungkin lebih 5% rakyat lelaki kaum bumiputra di kawasan luar bandar telah berhijrah ke negara tersebut mencari pekerjaan. Ini akan memberi kerugian kepada negeri kerana hasil pendapatan negara akan bertambah kurang dan sungutan pun bertambah buruk. Kalaulah getah tidak ditoreh, pokok lada hitam telah dibiarkan kerana harga baja melambung tinggi dan bila election nanti orang tidak datang mengundi—inilah satu masalah yang sangat penting. Mereka selalu bertanya mengapakah sebab Kerajaan tidak memberi pertimbangan kepada kaum petani dan pekebun-pekebun kecil?

Sekarang ini pegawai-pegawai Kerajaan telah dinaikkan gaji termasuk juga Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli-ahli Parlimen, Menteri-menteri dan semua kakitangan Kerajaan, dan apakah sebab kaum petani dan pekebun-pekebun kecil tidak dipertimbangkan oleh Kerajaan, bahkan Kerajaan kita akan dapat majoriti yang besar sambutan dari orang ramai, dan juga dari kaum petani-petani dan pekebun-pekebun kecil dan kalaulah pihak Kerajaan yang penuh bertanggungjawab tidak memberi pertimbangan kepada kaum petani dan pekebun-pekebun kecil, saya fikir masalah ini akan bertambah buruk. Namun demikian pihak Menteri yang berkenaan perlulah berunding dengan negara seberang laut supaya harga getah asli dan harga lada hitam dapat dijual dengan harga yang berpatutan di pasaran dunia, dan harga baja-baja dan cukai import perlu juga dihapuskan supaya kaum petani dan pekebun-pekebun kecil akan dapat menambahkan hasil mereka dengan mendapatkan hasil yang memuaskan. Kemudian sungutan yang sering berlaku di kawasan luar bandar akan dapat bertambah baik. Kalau tidak diambil perhatian dengan serius, saya sebagai Ahli Parlimen datang dari kawasan luar bandar sangat bimbang. Walaupun demikian saya berharap bahawa *Kementerian yang bertanggungjawab ini akan dapat mengambil tindakan dengan segera.*

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 1982.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Mantin.

3.59 ptg.

Datuk Lee Boon Peng (Mantin): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Belanjawan negara tahun 1982 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini.

Kami benar-benar merasa gembira bila kami mendengar Menteri Kewangan menyatakan bahawa ekonomi Malaysia masih terus-menerus menunjukkan prestasi yang baik, biarpun ekonomi negara-negara industri semakin lama semakin meleset, dengan satu kadar pertumbuhan lebih kurang 6.8% bagi tahun 1981. Ini adalah satu prestasi sangat-sangat menggalakkan bila adalah kewujudan kemerosotan, inflasi dan pengangguran yang merebak di negara-negara yang lain di dunia ini. Kita tidak mengalami banyak masalah-masalah pengangguran sebenarnya kita menghadapi kekurangan tenaga pekerja-pekerja dalam berbagai bidang, tetapi kita tidak boleh merasa kepuasan hati diri sendiri, khasnya berekoran dengan penurunan harga-harga getah, bijih timah dan sumber-sumber alam yang lain.

Walau bagaimanapun, kami percaya bahawa dengan langkah yang berani oleh Kerajaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Belanjawan tahun 1982 itu, potongan cukai dan excise duty akan mendorong pertumbuhan ekonomi tanpa memberatkan tekanan atas harga-harga dalam negeri. Memang adalah orang yang akan bertanya. "Bolehkah ekonomi itu menumbuhkan tanpa inflasi?" Oleh sebab kenaikan ekonomi, harga-harga juga akan naik. Dan jika daya pengeluaran menurun, kepercayaan perniagaan menurun dan penilaian ringgit kita juga boleh menurun. Jawapan itu ialah satu potongan Belanjawan dan langkah-langkah berani supaya mendorong daya pengeluaran. Kami boleh dan mesti mengatasi semua masalah-masalah ini melalui polisi-polisi yang dinyatakan dalam Belanjawan baru itu.

Sementara itu, adalah perlunya mendorong pelaburan di negara kita. Ancaman daripada

kemerosotan di Amerika Syarikat masih teruk, walaupun banyak orang berfikir bahawa negara-negara O.E.C.D. akan sembuh dalam tempoh pertengahan tahun pertama 1982. Kami juga menampak bahawa di Perancis, kewujudan pertumbuhan inflasi berekoran polisi perbelanjaan yang besar dan mewujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan oleh Kerajaan Perancis telah melemahkan penilaian mata wang Perancis itu. Dan banyak negara-negara industri telah mencegah pertumbuhan ekonomi mereka untuk membendung kenaikan harga yang melambung itu.

Tuan Yang di-Pertua, kami melihat dengan gembira daripada Laporan Ekonomi bahawa "Dasar-dasar yang dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan dalam meneruskan usahanya untuk meningkatkan lagi, serta mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara yang tinggi dengan paras harga yang stabil".

Dalam konteks ini, kami patut mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Belanjawan itu yang telah dipuji secara lunak dan melegakan rakyat yang biasa, seperti potongan-potongan dalam cukai-cukai import atas barang-barang makanan termasuk daging, sayur-sayuran dan ikan-ikan kering dan lain-lainnya. Harga-harga barang-barang pengguna seperti elektrik, seterika, kipas angin, tilam dan sebagainya akan diturunkan. Kerajaan juga memansuhkan duti import, cukai tokok dan cukai jualan ke atas kamera, jam tangan, pen dan pemetik api. Langkah ini bermakna bahawa Malaysia akan dijadikan secara satu pusat pelancongan, dengan harga-harga mungkin lebih murah atau sekurang-kurangnya berselaras dengan harga-harga di Singapura dan Hong Kong. Rakyat Malaysia tidak payah lagi pergi ke Singapura atau Thailand membeli-belah. Lebih banyak pelancong-pelancong akan melawat Malaysia, dan ini akan berfaedah kepada industri perhotelan, Industri perhotelan diberi galakan Skim Kredit Cukai Hotel bagi setiap hotel yang dibina dan berniaga antara 1974 dan 1986 serta taraf perintis. Kedua-dua insentif ini akan menolong-galakkan pembinaan lebih banyak hotel-hotel bertaraf antarabangsa dalam tempoh yang dijadualkan itu. Semua langkah-langkah ini akan

mengurangkan pengaliran keluar ringgit Malaysia ke negara-negara asing dan juga menguatkan tenaga ringgit Malaysia.

Langkah lain yang akan mengurangkan pengaliran keluar ringgit Malaysia ialah cadangan Belanjawan untuk memberi insentif cukai kepada pengimport-pengimport membeli insuran daripada syarikat-syarikat insuran tempatan, bukanlah daripada syarikat-syarikat insuran asing di mana barang-barang itu diimportkan. Langkah ini akan menjimatkan wang asing kita. Cadangan lain yang akan juga menjimatkan wang asing itu ialah memberi pengecualian cukai pendapatan kepada semua syarikat perkapalan Malaysia bagi tempoh 24 tahun mulai taksiran tahun 1982. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan kita berazam mengembangkan industri perkapalan tempatan. Ini juga bermakna bahawa di masa depan kurang kapal-kapal akan dihantarkan ke tempat memperbaiki kapal di negara-negara asing jika kita menggalakkan perkembangan perusahaan memperbaiki kapal tempatan itu. Jumlah wang yang dibelanjakan atas memperbaiki kapal-kapal di negara-negara asing adalah sangat besar. Melalui perkembangan perusahaan memperbaiki kapal-kapal tempatan, kita akan menjimatkan wang asing berjumlah yang besar. Oleh sebab Malaysia mempunyai garis pinggir laut yang sangat panjang, Malaysia patut dijadikan sebagai sebuah negara pelayaran.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun adalah kekurangan keseluruhan dalam Belanjawan berjumlah \$10,070 juta bagi 1982, berbanding dengan \$8,149 juta bagi 1981, merupakan satu pertambahan \$1,921 juta, tetapi kami tidak merasa terkejut oleh kerana memandangkan resiliensi ekonomi Malaysia dan harapan bahawa harga-harga barang-barang akan diperbaiki di pertengahan tahun 1982, berhubung dengan satu ramalan bahawa penyembuhan ekonomi negara-negara barat akan diwujudkan pada awal tahun depan. Dan dengan menjimatkan wang asing melalui berbagai potongan-potongan cukai, dan insentif cukai, yang tersebut, kita tidak payah merasa kebimbangan. Walaupun ada masalah kekurangan \$5,578 juta pada 1981 dalam imbalan pembayaran kira-kira semasa dan

pada 1982 kekurangan itu akan ditambahkan, langkah-langkah yang diambil dalam Belanjawan itu akan cukup mengatasi masalah, sungguhpun banyak akan bergantung atas harga-harga barangan eksport seperti getah, bijih timah, minyak kelapa sawit mentah dan petroleum mentah dinaiki pada pertengahan tahun 1982. Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Maran di mana beliau menegur Belanjawan atas ketiadaan apa-apa rancangan yang akan diambil oleh Kerajaan supaya harga-harga barangan eksport, khasnya getah boleh dinaikkan. Saya minta Menteri berkenaan mengambil perhatian atas masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa kesal bahawa persidangan baru-baru ini antara negara-negara maju yang dipanggil Utara dan negara-negara sedang membangun (Selatan) di Cancun di Mexico yang ditutup pada 24hb Oktober, 1981 gagal mencapai sebarang persetujuan sebagaimana akan menyusun semula sistem ekonomi dunia atas satu asas lebih adil dan lebih merapatkan satu kerjasama ekonomi antarabangsa antara Utara dan Selatan, dan kami di Dewan yang mulia ini menyokong langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan supaya lebih berdikari dan hanya berdagang dengan negara-negara yang sedia melayani negara kita atas asas beradil dan berbalas-balasan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta Menteri Kewangan menimbang sama ada beliau akan memansuhkan cukai tokok dan cukai jualan ke atas peti-peti radio dan televisyen yang kurang dari 14 inci. Oleh kerana kedua-dua alat itu ialah alat-alat yang perlu bagi berita-berita dan perhubungan kepada rakyat atas polisi-polisi dan strategi-strategi Kerajaan kita.

Saya juga ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos berhubung dengan pengeluaran baru-baru ini oleh Lembaga Letrik Negara atas satu notis ingatan kepada pengguna membayar bil-bil elektrik mereka dalam tempoh 7 hari tarikh bil itu diserahkan, dan kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan bekalan elektrik

dipotong tanpa sebarang notis selanjutnya. Di kebanyakan kampung-kampung di mana tidak ada pejabat pos, pengguna-pengguna harus membayar bil-bil elektrik mereka kepada pejabat pos bergerak. Pejabat-pejabat pos bergerak hanya melawat kampung-kampung tertentu dua atau tiga kali seminggu. Hal ini menyebabkan kewujudan baris menunggu giliran yang panjang, dan kadangkala penduduk-penduduk kampung bekerja ketika van-van pos itu melawat kampung-kampung mereka. Hingga penghabisan tempoh 7 hari itu, bekalan elektrik penduduk-penduduk kampung yang belum membayar akan dipotong dan mereka akan menghadapi kesusahan besar untuk menyambungkan semula bekalan elektrik itu, dan juga harus dibayar bayaran sambungan semula itu.

Saya menyeru Menteri berkenaan menambahkan bilangan lawatan pejabat-pejabat pos bergerak itu ke kampung-kampung atau membiarkan penduduk-penduduk kampung yang tiada pejabat pos di kampung-kampung mereka 14 hari membayar bil-bil elektrik mereka.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul Menteri Kewangan itu, Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

4.12 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Endut (Ulu Muda): Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana akhirnya selama enam hari berturut-turut saya bangun, baru sekarang diberi peluang, itupun diberi setengah jam saya bercakap, yang mana saya bercadang hendak bercakap tiga jam lebih di dalam Dewan yang mulia ini, kerana di dalam persidangan Belanjawan tahun sudah, saya tidak berkesempatan mengambil bahagian oleh kerana saya berada di Tanah Suci Mekah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat telah diberi peluang itu, tolonglah hormati perjanjian untuk 30 minit sahaja, tidak lebih—bukan tiga jam.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya mengucapkan terima kasih banyak kepada Tuan Yang di-Pertua kerana nampak saya juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersama-sama rakan saya dalam Dewan yang mulia ini bangun memberikan sokongan atas Rang Undang-undang Perbekalan 1982 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Menteri Kewangan pada hari Jumaat, 23hb Oktober, 1981.

Banyak orang salah sangka, banyak orang salah teka, yang menyangka bahawa Belanjawan tahun ini akan menekan rakyat dan banyak pula menyangka tekanan orang yang berada akan dikuatkan lagi. Tetapi semua sangkaan mereka itu meleset belaka setelah kita dengar di dalam Dewan ini dan bagi mereka yang dengar melalui radio dan melihat dari kaca TV semua rakyat berpuas hati bahawa Belanjawan pada tahun ini adalah Belanjawan yang sungguh bermakna dan sungguh berguna kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah \$31,951 juta diperuntukkan bagi Belanjawan 1982 iaitu \$17,319 juta untuk Belanjawan Mengurus dan \$14,632 juta untuk Pembangunan. Ini merupakan kenaikan sebanyak \$8,874 juta ataupun lebihkurang 38% jika dibandingkan dengan Anggaran Belanjawan 1981 berjumlah hanya \$23,077 juta sahaja.

Kalau kita terbaca surat-surat khabar dalam minggu yang lepas dalam satu wawancara diantara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi dengan wartawan-wartawan tempatan dan luar negeri daripada liputan-liputan tersebut jelas sekali bahawa Kerajaan yang ada pada hari ini adalah satu Kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan yang betul-betul berjiwa rakyat terutama sekali apa yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat berkenaan dengan penyusunan semula BSN akan dijadikan Badan Pencegah Rasuah.

Lagi satu yang menarik perhatian rakyat berkenaan dengan menyelaraskan waktu yang sama di seluruh Malaysia. Ini memang baik sekali, kerana negara Malaysia kalau kita tengok di dalam peta dunia begitu kecil tetapi ada dua masa. Ini adalah satu perkara yang

tidak lojik. Ini saya mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas kepintaran dan kebijaksanaanannya memimpin kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh hairan sebab apa dan kenapa wakil dari Damansara, wakil dari Petaling dan juga Batu Gajah yang mungkin banyak lagi wakil-wakil dari sebelah sana gamak membuat tuduhan melulu, tuduhan yang tidak bertanggungjawab, tuduhan-tuduhan yang boleh dianggap sebagai datangnya daripada seorang yang bukan berfikiran waras. Tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh DAP melalui wakil-wakil mereka di sana adalah semuanya tuduhan-tuduhan, dengan izin, "uncalled for". Mereka berkata Kerajaan zalim dalam berbagai lapangan, dari pelajaran, buruh, imigresyen, perumahan dan lain-lain lagi, Kerajaan zalim. Tetapi seluruh dunia ketahui bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah satu satunya Kerajaan yang menjalankan tugas dengan cermat lagi adil kepada rakyat jelata. Bukti yang nyata sebab tiap-tiap kali kita adakan pilihanraya semenjak tahun 1955 rakyat yang bijak memilih Kerajaan ini menjadi Kerajaan di dalam negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Laporan Ekonomi 1981/1982 Belanjawan negara tahun depan dijangka menunjukkan lebih \$364 juta dalam belanja mengurus. Ini menunjukkan meningkat naik anggaran itu tidak diambil kira perubahan cukai yang akan dinaikkan sepertimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 23hb Oktober yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan negara tahun 1982, Belanja Mengurus yang jumlahnya \$14,632 juta boleh dibelanjakan itu adalah satu hadiah kepada orang-orang cacat seperti buta, bisu, pekak dan lain-lain cacat anggota. Memansuhkan cukai jualan ke atas kelengkapan bagi orang-orang cacat dan memberikan potongan cukai pendapatan sebanyak dua kali ke atas majikan yang mempunyai pekerja-pekerja cacat adalah membuktikan sikap Kerajaan yang bertanggungjawab yang sentiasa memberi perhatian berat untuk membantu orang-orang cacat. Langkah Kerajaan ini akan membolehkan orang-orang cacat memperbaiki lagi kehidupan mereka di masa depan.

Belanjawan negara tahun 1982 yang tidak mengeneipkan masyarakat orang-orang cacat yang tidak bernasib baik itu bolehlah disifatkan sebagai hadiah paling istimewa dari Kerajaan Barisan Nasional kepada mereka yang cacat sempena dengan tahun antarabangsa bagi mereka orang-orang cacat. Sekolah khas di Alor Setar, murid-muridnya berjumlah lebih daripada 60 orang, murid-murid malang kurang bernasib baik yang mana sekolah ini telahpun dilawati oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa beliau menjadi Menteri Pelajaran dulu perlu diberi perhatian oleh Kementerian Pelajaran.

Sekolah ini adalah sebuah sekolah yang sungguh istimewa, orang cacat yang pendengarannya kurang disatukan dengan sebuah sekolah di mana budak-budak yang tidak cacat berada menggunakan segala tenaga guru-guru dan segala alat perkakas di sekolah tersebut untuk memberi peluang kepada mereka yang malang itu. Saya minta Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Kebajikan Am supaya memberi perhatian yang serius dan anggapkanlah sekolah ini sebagai model untuk dijadikan contoh membantu kanak-kanak yang cacat itu.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan kita terancam. Peristiwa berdarah lagi bersejarah di Ulu Lengong, Baling, Kedah beberapa hari yang lalu di mana terkorbannya dan gugurnya 7 orang askar meninggal dunia dan 2 orang luka parah. Mereka adalah anak watan negara kita. Mereka sanggup mempertahankan negara tetapi dibunuh oleh musuh negara iaitu komunis. Kita sifatkan peristiwa itu adalah satu perbuatan kejam, zalim dan durjana yang perlu dikutuk oleh setiap rakyat jelata kerana ia jelas membuktikan sikap pengecut, bodoh komunis yang tidak suka melihat keamanan dan pembangunan rakyat dalam negara ini. Mereka serang hendap manusia yang hendak mencari makan. Ulu Lengong adalah jadi kawasan panas sebagaimana yang pernah terjadi dalam tahun 1975 di kawasan saya iaitu di Gubir, Sik di mana juga 7 askar kita terkorban dan hampir satu platon lagi cedera dan dua hari selepas peristiwa tersebut sebuah helikopter ditembak jatuh dan membunuh seorang pegawai tentera. Ini juga perbuatan yang dikutuk oleh rakyat jelata.

Kawasan Ulu Lengong, Baling dan juga Gubir di Ulu Muda merupakan kawasan yang paling berhadapan dengan sempadan Malaysia—Thai. Kawasan ini perlu diberikan perhatian istimewa oleh Kerajaan, selain dari banyaknya musuh negara di sini banyak juga anasir-anasir jahat bergerak cergas hingga berpecah-belah rakyat sesama rakyat. Kemiskinan adalah problem rakyat, keselamatan mereka belum tentu akan selamat. Apakah ini semua dikecam atau dikutuk oleh wakil-wakil daripada DAP ataupun daripada parti Pembangkang yang lain? Saya belum pernah dengar parti Pembangkang, khasnya DAP dan juga PAS mengutuk perbuatan yang semacam ini. Ini patut diawasi oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kita semua ketahui bahawa Malaysia adalah sebuah negara merdeka lagi berdaulat dan negara kita adalah berkecuali dari mana-mana blok kuasa besar dunia. Kita ingin bebas, tidak ingin terlibat dalam apa juga blokpun dan kita percaya melalui perjuangan serantau Asean dan juga berada dalam Komanwel negara kita akan lebih selamat dan dihormati orang.

Kita percaya peranan yang dimainkan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kita semenjak merdeka termasuklah peranan yang dimainkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Menteri yang baharu ini yang jarang sekali berada dalam negeri, tidak lain dan tidak bukan hanya berada di luar negeri menjalankan tugas negara yang sangat perlu kehadirannya sendiri. Kita percaya sebagai seorang diplomat, sebagai seorang pegawai tadbir yang berpengalaman luas dalam jurusan yang sama maka sudah tentu negara kita akan lebih terjamin, terkenal serta dihormati orang.

Sebagai contoh di Bangsa-bangsa Bersatu peranan yang dimainkan oleh negara kita bersama-sama saudara kita dalam lingkungan Asean mendapat satu pengiktirafan dari seluruh dunia berhubung dengan masalah mendadak di negara jiran kita iaitu negara Kampuchea dan Vietnam dan masalah perlarian haram dan sebagainya. Kita dapat sokongan majoriti daripada Bangsa-bangsa Bersatu, daripada badan dunia itu.

Dengan wujudnya perang dingin di antara negara-negara kaya dengan negara-negara yang sedang membangun telah meletakkan dunia ini dalam keadaan tegang sekali. Persidangan antarabangsa sentiasa menyatakan hasrat masing-masing ingin terus meningkatkan kerjasama yang lebih bermakna dalam semua bidang di antara kedua-dua kumpulan negara ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi semasa menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian dahulu pernah mengecam dasar perlindungan yang dilakukan oleh negara-negara maju terhadap barang-barang dari negara-negara dunia ketiga seperti kita. Contohnya, jatuh harga barang-barang komoditi seperti getah, kelapa sawit, bijih dan lain-lain lagi adalah permainan kotor dari mereka.

Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kita pernah menyebut tentang sikap British dan Australia yang mengurangkan jumlah pelajar-pelajar dari negara-negara blok dunia ketiga yang boleh belajar dalam negara mereka adalah sebagai tindakan membesarkan lagi jurang perbezaan pendapat dan nilai di antara rakyat dan negara maju dengan rakyat dalam negara sedang membangun.

Perdana Menteri India pernah memberi amaran kepada negara-negara maju yang mengamalkan sikap konfrantasi terhadap negara-negara dunia ketiga di mana peranan mereka tidak lebih dari mencari pengaruh bagi kepentingan mereka sendiri.

Persidangan Tabung Matawang Bangsa-bangsa Bersatu dan Bank Dunia di Washington baharu-baharu ini adalah sama juga seperti Persidangan Komanwel yang sentiasa sahaja menghadapi isu-isu berhubung dengan keadaan tegang di kedua-dua kumpulan negara ini yang dianggap satu bahaya besar kepada dunia seluruhnya. Dalam soal ini keikhlasan, kejujuran, kesungguhan negara-negara maju adalah faktor utama yang boleh membawa kepada ketegangan hubungan. Kebanyakan negara-negara maju hanya bercakap sahaja ingin membantu negara-negara dunia ketiga tetapi sebaliknya kedudukan sebenarnya ialah mereka bimbang atas kebangkitan dunia ketiga yang dianggap oleh mereka boleh

mengancam kuasa dan sikap buli mereka yang telah wujud begitu lama di dalam kepala mereka. Kalaulah negara-negara ini benar ikhlas, benar jujur dan benar bertimbang rasa, kenapakah negara Amerika mengetatkan dasar kredit mereka hingga boleh menyulitkan negara-negara miskin? Mengapakah mereka main dan mempermainkan Buffer Stock getah, bijih timah pada setiap masa? Amerika juga menentang cadangan Bank Dunia menubuhkan agensi tenaga bagi menolong negara-negara miskin, menghadapi krisis tenaga negara-negara masing-masing. Amerika baikot Persidangan Antarabangsa Negara-negara Pengeluar Tin baharu lalu.

Daripada apa yang kita ketahui dari kedudukan ini nampaknya kita sesama kita dalam negara dunia ketiga mustahak dan terpaksa mengurangkan pergantungan kita kepada mereka yang kononnya negara maju lagi bertamadun ini. Sebaliknya, kita perlu bersatu tenaga sesama kita untuk memajukan kumpulan kita ini secara berdikari dan berdisiplin. Negara-negara yang sedang membangun seperti kita patutlah menggunakan sepenuhnya segala sumber tenaga pembangunan yang kita ada, yang mereka tidak ada dan kita mesti saling bantu-membantu sesama kita serta bekerjasama di antara kita supaya kita boleh melahirkan satu kumpulan yang kuat lagi tegap dan dihormati oleh seluruh dunia kepada kumpulan dunia ketiga termasuklah Malaysia yang kita semua sangat cinta. Kita tidak boleh terus membiarkan beberapa kerat negara sahaja yang akan menentukan nasib seluruh manusia di dunia ini, sebaliknya pengimbangan keamanan dunia mestilah datang dari berbagai penjuru dunia, termasuk juga dari negara-negara yang sedang membangun ataupun negara-negara dalam dunia ketiga termasuklah negara kita Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, 4 hari lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ada terima kawat ugutan dari satu badan bernama Institut Akhbar Antarabangsa (IPI) berhubung kononnya imej negara akan dicemarkan oleh mereka, itu adalah perbuatan khianat sepertimana yang pernah dilaporkan oleh mereka berkait dengan peristiwa hitam negara, iaitu pada 13 Mei, 1969 dan juga seperti juga dilaporkan oleh

mereka berkait dengan layanan kita kepada pendatang haram daripada Vietnam. Kita sebagai rakyat berdiri teguh di belakang Kerajaan berjiwa rakyat. Kita minta Perdana Menteri kita jangan gentar atas ugutan itu yang datangnya dari pertubuhan-pertubuhan media antarabangsa. Kita orang-orang Asia tidak harus membiarkan orang-orang lain memonopolikan dalam liputan berita tentang diri kita. Kewajipan kita memaklumkan kepada dunia tentang apa yang benar dan apa yang tidak benar. Kita orang-orang Asia yang bertamadun, berbudi bahasa dan kita ada maruah kita tersendiri dan kita mestilah tinggal dalam dunia ini sebagai manusia yang bermaruah dan bermoral tinggi lagi bertanggungjawab dan berdisiplin tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian yang dijalankan oleh berbagai Jabatan dan agensi seperti Jabatan Buruh, Jabatan Tenaga Rakyat, Institut Penyelidikan Getah Malaysia dan Persatuan Perladangan Bersatu Malaysia, negara kita sejak zaman kebelakangan ini sedang mengalami kekurangan tenaga buruh di bidang-bidang pertanian, perladangan dan juga pembinaan (agriculture, plantation dan construction industry). Kekurangan tersebut dikatakan amat serius, dikatakan lagi kekurangan tenaga buruh atau pekerja meningkat kepada jumlah berpuluh-puluh ribu orang. Kekurangan tersebut adalah menjejaskan pengeluaran getah, kelapa sawit, teh dan koko dan lagi oleh kerana berlakunya penghijrahan pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi dari desa atau kawasan luar bandar ke kawasan-kawasan bandar. Dengan sebab adanya tarikan peluang-peluang kerja di pelbagai kilang dan gedung perusahaan, maka sawah-sawah padi dan kebun-kebun kecil di kawasan luar bandar semakin terbiar oleh kerana kekurangan tenaga pekerja dan ini sudah tentu akan menjejaskan pengeluaran padi dan sebagainya di kawasan luar bandar. Di samping itu di waktu negara kita sedang membangun pesat di bidang pembinaan rumah-rumah kediaman dan gudang-gudang perniagaan yang berlaku hampir di seluruh bandar di negara kita, ini memerlukan lebih ramai lagi tenaga buruh dan pekerja.

Oleh kerana negara kita sedang mengalami kekurangan tenaga dan tenaga kerja yang serius seperti yang telah saya sebutkan di atas

tadi, saya tidak mengerti mengapa Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya daripada DAP mengungkit-ungkit sangat tentang apa yang mereka katakan pendatang haram dari Indonesia di negara ini. Tidakkah pendatang-pendatang dari Indonesia itu telah dan akan datang menampung kekurangan tenaga buruh yang sedang dialami oleh negara kita? Dalam hal ini suka saya menggesa Kerajaan supaya memandang berat tentang masalah kekurangan tenaga buruh di negara ini dan justeru itu ingin saya mendesak Kerajaan supaya membenarkan kemasukan tenaga buruh dan tenaga pekerja dari Indonesia. Mengapa dan sebab apa mereka ini dari DAP tidak bising atau menggembar-gemburkan perkara pendatang haram dari Vietnam dahulu, ini adalah sungguh pelik dan ganjil. Kalau di zaman penjajah Inggeris dahulu pihak pemerintah penjajah Inggeris membenarkan bahkan membawa masuk dengan sewenang-wenangnya orang-orang keturunan mereka dari negara-negara India dan China yang berlainan bangsa, kebudayaan dan ugama ke negara ini pada zaman itu bagi mengusahakan ladang-ladang getah dan bijih timah, saya tidak nampak mengapa Kerajaan kita sekarang tidak boleh mengikut jejak langkah penjajah Inggeris itu dengan membenarkan dan membawa masuk buruh-buruh dan pekerja-pekerja dari Indonesia pula ke negara ini bagi meningkatkan lagi pembangunannya di segala bidang.

Pada pendapat saya membawa masuk atau membenarkan orang-orang dari Indonesia ke negara ini adalah lebih logik kerana negara Indonesia adalah jiran kita yang dekat sekali dan lagi orang-orang Indonesia, baik suku-suku bangsa Jawa, Bugis, Boyan, Banjar, Minang, Riau, Aceh dan sebagainya adalah dari rumpun bangsa Melayu dan bumiputra di negara kita ini. Tegasnya suka saya mengatakan bahawa jika diizinkan penjajah Inggeris di negara kita ini dahulu mereka boleh membawa masuk orang-orang dari negara China dan India, maka di zaman sekarang ini adalah giliran orang-orang dari Indonesia pula dibawa masuk ke negara ini.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, untuk penjelasan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri jalankah?

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tidak beri. Minta duduk!

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu tidak ada sebab mengapa Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya daripada DAP seperti Menglembu itu curiga dan dengki dengan kemasukan dan kehadiran orang-orang dari Indonesia ke negara ini. Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya dari DAP patut ingat dan sedar bahawa mereka juga adalah berasal atau keturunan dari kaum pendatang juga di negara ini dan hanya atas budi baik dan ehsan orang-orang Melayu

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri jalankah?

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tidak beri—sorry.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: (*Kepada Y.B. Tuan P. Patto*) Sila duduk Yang Berhormat!

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: I have no time. I am running short of time. Patut sedar bahawa mereka juga adalah berasal atau keturunan dari kaum pendatang juga di negara ini dan hanya atas budi baik dan ehsan orang-orang Melayu atau bumiputra negeri ini, maka pada waktu negara ini mencapai kemerdekaan dahulu, mereka dan lain-lain kaum pendatang berada di negara ini telah dikurniakan taraf warganegara negeri ini dan itupun dengan cara yang sangat longgar atau mudah sekali. Mereka patut bersyukur dan berterima kasih kepada orang-orang Melayu, Raja-raja Melayu dan Kerajaan kerana telah diberi penghormatan itu kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berkenaan dengan Kementerian Penerangan dan Penyiaran Malaysia, tidak siapa boleh nafikan di atas kesungguhan dan di atas kebijaksanaan Kementerian ini menjalankan tugas mereka. Adalah menjadi tanggungjawab penyiar-penyiar semua untuk menentukan gambaran yang tersiar di Radio dan TV itu juga adalah gambaran hasrat Kerajaan pada masa ini yang bertujuan untuk

membangunkan bangsa Malaysia yang padu dan negara yang maju. Radio dan TV amat besar peranannya dalam hal ini. Sebagai alat komunikasi di samping media cetak dan lain-lain bentuk perhubungan yang terdapat di negara kita pada masa ini seperti telefon, satelite dan perhubungan bersemuka (interpersonal communication) Radio dan TV adalah mempunyai tempat dan peranan yang tersendiri, bukan sahaja sebagai alat penyampaian pengetahuan, pendidikan dan hiburan tetapi juga sebagai teman karib kepada mereka yang sunyi dan petunjuk kepada mereka yang perlukan panduan. Adakah wajar mereka, iaitu penyiar-penyiar dibayar gaji sama dengan kerani-kerani, iaitu C-12 sahaja wal hasil tugas mereka adalah lebih berat dari peranan yang dimainkan oleh Pegawai-pegawai Kerani. Adakah kita sedar bahawa penyiar-penyiar di RTM, terutama sekali di Radio dan TV tidak merasai nikmat dan tidak mendapat perhatian yang wajarnya dalam perkhidmatan mereka, terutama sekali penyiar-penyiar atau Pembantu Siaran Tingkatan III yang menerima pembayaran gaji perkeranian wal hal mereka itu adalah tenaga-tenaga mahir dan berpengalaman dalam bidang penyiaran yang menjadi lidah Kerajaan dalam menyiarkan rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan sebagaimana yang dikehendaki oleh Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Sedarkah kita semua kebanyakan yang menemuduga Menteri-menteri berkaitan dengan peranan Wakil-wakil Rakyat dan juga Menteri-menteri dan juga Kerajaan memerintah adalah mereka dari pegawai dari Division Tiga belaka

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa cuma ada lagi seminit dan saya perhatikan Yang Berhormat banyak lagi hendak bercakap dan kalau boleh tolong gulung sebelum masa habis.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, itulah saya kata tadi saya hendak bercakap tiga jam, tetapi apa boleh buat, nasib saya tidak baik.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baik, teruskan! Seminit lagi.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Oleh kerana pekerja-pekerja di Angkasapuri

nampaknya ada tekanan-tekanan ataupun tidak diketahui oleh Menteri yang berkenaan saya minta kalau boleh nasib mereka itu perlu diberi pembelaan.

Satu lagi bercakap berkenaan dengan Kementerian yang sama, inginlah saya membuat teguran kerana saya tengok kalau makanan lazat yang ada washing machine, orang bukan bumiputera ambil peranan tetapi kalau dengan Fab dan Breeze, itu orang bumiputera. Ini pun patut ditengok dari segi iklan-iklan melalui TV kerana ini boleh jadi perasaan orang-orang bumiputera yang macam saya ini berasa kerjanya basuh sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi Kementerian yang saya tidak sempat hendak menyentuh, saya akan menyentuh di dalam Jawatankuasa nanti. Satu perkara yang perlu diberi perhatian oleh Menteri yang berkenaan ataupun Timbalan Menteri yang ada di sini ialah cerita-cerita Drama seperti Tok Perak. Saya minta kalau boleh cerita-cerita yang seumpama itu, kalau boleh sensorlah sedikit. Rakyat berkehendak cerita-cerita seperti Anjing Aki; cerita yang seperti itu akan memberi makna kepada rakyat, kerana Tok Perak dalam ceritanya pukul 1.00 belum bangun tidur lagi. Anak sudah balik daripada sekolah, masih duduk di tempat tidur. Cerita-cerita yang seperti ini kanak-kanak melihat nampak tidak manis. Yang saya minta mungkin apa yang saya bangkitkan tadi sedang berlaku di Angkasapuri sengaja dibuatkan oleh mereka kerana hendak memburukkan Kerajaan kita.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.43 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun 1982 yang telah dibentangkan di Parlimen oleh Menteri Kewangan pada 23hb Oktober, 1981 pada umumnya telah diterima oleh rakyat sebagai satu Belanjawan yang baik oleh kerana ianya tidak mengenakan apa-apa

beban cukai ke atas setiap pembayar cukai. Bertentangan dengan spekulasi orang ramai, Menteri Kewangan telah menunjukkan kemurahan hatinya dengan mengumumkan pengurangan cukai ke atas beberapa barang pengguna dan pada masa yang sama mengumumkan beberapa langkah kewangan (fiscal) untuk memastikan perkembangan ekonomi berjalan dengan baik.

Sungguhpun Belanjawan tahun 1982 ialah satu Belanjawan yang dialu-alukan tetapi ianya tidak memenuhi apa-apa maksud jika Kerajaan tidak bersedia bertindak memastikan bahawa faedah-faedah daripada berbagai cadangan Belanjawan ini dinikmati sepenuhnya oleh rakyat.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa Belanjawan 1982 tidak akan memberi faedah kepada rakyat, melainkan Kerajaan memastikan bahawa 'concession' yang diberikan kepada beberapa sektor perdagangan dan perindustrian akan benar-benar disalurkan kepada para pengguna.

Umpamanya, harga-harga bahan binaan seperti simen, besi, dan batang keluli akan diturunkan berikutan pengumuman Menteri Kewangan bahawa duti import dan cukai tokok ke atas beberapa bahan binaan bangunan yang penting akan dihapuskan atau dikurangkan. Akan tetapi adakah bermakna bahawa harga rumah, terutamanya untuk golongan berpendapatan rendah akan juga dikurangkan dalam sedikit masa lagi?

Saya masih meragui sama ada ini dapat dicapai atas sebab-sebab yang saya jelaskan dalam ucapan saya nanti.

Begitu juga, adakah pengurangan cukai atau penghapusan duti import dan cukai jualan ke atas beberapa barang pengguna akan benar-benar memberi faedah kepada pengguna-pengguna dengan segera.

Saya juga meragui sama ada perkara ini dapat dilakukan memandangkan pengedar-pengedar barang-barang pengguna yang dimaksudkan dalam ucapan Belanjawan itu, secara terbuka menyatakan bahawa mereka memerlukan masa—dan ini akan barangkali mengambil masa selama 6 bulan—untuk menghabiskan semua setok lama pada kadar harga yang lama.

Memandangkan di atas, apa yang lebih penting dan mustahak ialah Kerajaan hendaklah mengambil semua tindakan yang perlu dalam pengurusan dan dalam kuasa-kuasanya untuk memastikan bahawa berbagai-bagai cadangan yang diterangkan oleh Menteri Kewangan akan memberi faedah kepada rakyat dalam bentuk barang-barang yang lebih murah.

Umpamanya, penghapusan duti eksais dan pengurangan duti import ke atas 12 jenis barang pengguna jenis tahan lama dan separuh tahan lama hendaklah memberi kesan penurunan harga ke atas barang-barang seperti periok memasak nasi, lampu letrik, dapur, ubat gigi, sabun, simen, peti-suara, kipas dan tilam.

Penghapusan cukai tokok sebanyak 5% ke atas beberapa jenis barang makanan seperti sayuran jerok, kacang dal, udang yang ditinkan, ketam, sotong dalam bungkus plastik atau tin atau setengah-setengah jenis biskut dan jem hendaklah membawa kepada penurunan harga. Tetapi saya tidak nampak bagaimana para pengguna akan mendapat faedah dengan serta-merta daripada semua ini kerana para peruncit masih berkehendakkan masa untuk menghadapi semua setok lama pada kadar harga sebelum pengumuman Belanjawan.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa menggulung perbahasan nanti akan memberitahu dalam Dewan ini mengenai cadangan yang akan dilakukan bagi memastikan bahawa rakyat Malaysia akan dijamin untuk mendapat faedah daripada Belanjawan ini.

Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawan ada menyatakan tentang strategi Belanjawan untuk menahan inflasi. Walaupun saya bersetuju bahawa beberapa cadangan Belanjawan ini dirangka untuk membawa penurunan harga tetapi saya belum nampak bagaimana ini dapat dilakukan tanpa mengambil masa yang panjang. Bagaimanapun, apabila dilihat masalah inflasi yang melanda Malaysia hari ini, saya merasa bahawa Belanjawan 1982 tidak dimaksudkan sepenuhnya bagi memerangi inflasi. Hakikatnya, Belanjawan tidak sebenarnya digerakan untuk menyelesaikan

mengesan kemerosotan ekonomi yang serious ini.

Belanjawan ini tidak mengemukakan tindakan-tindakan tertentu bagi meningkatkan pengeluaran makanan dan memperbaiki sistem pengedaran dalam negeri. Pengedaran barang makanan yang seimbang hendaklah diberikan perhatian tinggi apabila negara menghadapi inflasi yang serious. Walaupun ianya tidak mengenakan apa-apa beban tambahan ke atas orang-orang miskin, Belanjawan 1982 gagal menyalurkan tenaga kearah meningkatkan semangat berdikari yang harus menjadi tugas utama negara dalam menghadapi suasana kemerosotan yang kritikal ini.

Satu Belanjawan yang menyentuh sikap mempercayai diri sendiri atau berdikari seharusnya diberikan perhatian yang serious, tidak sahaja kepada pengeluaran dan pembahagian makanan, akan tetapi juga menekankan insentif kepada pekerjaan sendiri, perusahaan kecil dan sederhana serta koperasi tempatan.

Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan telah gagal memeriksa jentera pengedaran dan pertukaran yang begitu genting dalam masalah memerangi inflasi.

Inilah sebabnya kenapa berbagai insentif diberikan kepada setengah sektor perniagaan tertentu mungkin tidak menolong mengurangkan inflasi, kerana rangkaian pembahagian yang tidak seimbang dibenarkan bagi mendapat keuntungan maksima di setiap peringkat masih terus dijalankan tanpa apa-apa kawalan diperbaiki.

Satu Belanjawan yang dimaksudkan sepenuhnya bagi memerangi inflasi hendaklah diberikan penghapusan cukai ke atas banyak rangkaian barang-barang keperluan pengguna dan tidak sahaja menghapuskan duti import, cukai jualan tokok ke atas kamera, jam, pen, pemetik api dan lain-lain barang pelancung di samping menghapuskan duti eksais dan pengurangan duti import ke atas beberapa barang elektrik yang mana hanya golongan yang berpendapatan tinggi dan menengah yang mampu memilikinya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Belanjawan tahun 1982 ini saya memperhatikan bahawa

sejumlah \$243 juta adalah diuntukkan kepada Jabatan Penerbangan Awam untuk membaiki dan mengelakkan kemudahan-kemudahan yang ada dan juga untuk memodenkan lapangan terbang-lapangan terbang dan perkara-perkara lain yang berkaitan.

Mengenai lapangan terbang-lapangan terbang, saya ingin merujuk kepada kemalangan yang berlaku baru-baru ini di Terminal Satu Lapangan Terbang Antarabangsa Subang di mana casing bagi sejumlah lebih kurang 500 buah lampu putih telah jatuh terhempas berhampiran dengan dewan ketibaan dan menyebabkan kecederaan kepada lebih daripada 12 orang dan juga musnah cermin depan sebuah teksi.

Runtuhnya sistem lampu di Lapangan Terbang Antarabangsa ini ialah satu lagi kemalangan untuk ditambah kepada senarai panjang yang mengandungi masalah-masalah yang telah menimpa lapangan terbang ini sejak ia mula berjalan dalam tahun 1963.

Kalau kita tinjau dari laporan-laporan akhbar dan komen-komen orang ramai, nampaknya iaitu lapangan terbang perdana di Malaysia ini diharungi dengan berbagai-bagai masalah yang menunggu diselesaikan.

Sementara suatu penyiasatan sedang dijalankan untuk menentukan apakah sebenarnya sebab kemalangan itu, peristiwa yang berlaku ini mendedahkan seluruh soalan penyenggaraan dan keselamatan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang.

Soalan yang patut ditanya ialah adakah Jabatan Penerbangan Awam atau JKR memang sentiasa membuat pemeriksaan yang kerap kepada bangunan lapangan terbang ini serta kelengkapannya untuk keselamatan orang awam.

Penyiasatan yang sedang dijalankan janganlah berat sebelah dan patut memeriksa seluruh soalan sama ada terdapat pemeriksaan, penyenggaraan dan pembaikan yang kerap kepada semua kemudahan di lapangan terbang itu. Apa yang penting ialah bagi penyiasatan itu menentukan adakah seluruh bangunan itu adalah selamat dari segi pembinaan untuk menampung gegaran (vibration) di lapangan terbang itu. Apa yang orang ramai inginkan ialah suatu kenyataan kategori ke atas keselamatan bangunan itu.

Semua soalan ini hendaklah dijawab melalui penyiasatan yang adil. Sementara itu, saya menggesa kepada Kerajaan supaya menubuhkan sebuah Jawatankuasa untuk menaksir dan menentukan berapa jumlah gantirugi patut dibayar kepada semua orang yang tercedera atau harta bendanya yang musnah akibat kemalangan itu. Mereka hendaklah diberi gantirugi kerana apa yang berlaku ialah bencana awam yang benar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Dasar Ekonomi Baru, Timbalan Perdana Menteri dalam satu jawapannya kepada saya semasa soal-jawab dalam Dewan ini ada menyatakan bahawa adalah tidak benar bahawa rakyat merasa kehilangan hak dan diketepikan sejak Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan.

Pada fikiran saya, jaminan Timbalan Perdana Menteri itu tidak menyakinkan memandangkan perasaan kebimbangan oleh sebahagian besar masyarakat perniagaan di tengah-tengah kawasan saya di atas kegiatan pihak UDA menyusun semula bandar. Saya menyebutkan ini sebagai satu contoh.

Saya suka mencatatkan di sini bahawa UDA baru-baru ini telah memilih beberapa kawasan strategik di tengah-tengah Kuala Lumpur di mana ia berkehendakkan tanah yang mana di atasnya telah pun ada terdiri bangunan perniagaan sejak berpuluh tahun dulu.

Adalah dipercayai bahawa lebih daripada 240 lot tanah yang terdapat di dalam dan sekitar pusat bandaraya telah ditanda dan dipilih untuk pembangunan semula di bawah Seksyen 17 (1) Akta Pembangunan Bandar 1971. Ini meliputi kawasan Pasar Chow Kit termasuk sebahagian Kampung Baru; Jalan Sultan-Jalan Petaling; dan kawasan yang bersempadankan Jalan Tun Perak-Jalan Klyne, Jalan Silang, Lebuh raya Cheng Lock dan Jalan Pudu. Semua kawasan ini menjadi sebahagian bank tanah kepunyaan UDA dan ini akan diambil untuk pembangunan bandar dan pembangunan semula bandar.

Sungguhpun wang pampasan akan dibayar menurut Akta Pengambilan Tanah kepada bangunan-bangunan yang terlibat, tetapi dengan wang pampasan itu apa yang boleh dibuat sebagai menggantikan mereka yang telah menghabiskan sebahagian hidupnya di

situ dan juga menerusi usaha datuk nenek mereka yang menubuhkan perniagaan itu.

Kerugian yang mereka alami tidak boleh diganti dengan wang. Bahkan jika tempat baru diperolehi, ianya masih tidak mencukupi jika dibandingkan dengan titik peloh mereka dan datuk nenek mereka yang telah menyumbangkan membangunkan perniagaan seperti yang terdapat pada hari ini.

Jika UDA terus mengambil tanah yang bermakna mereka terpaksa merobohkan bangunan-bangunan seperti Projek Komplek Dayabumi di Jalan Cheng Lock, Kuala Lumpur, ini akan menyerupai kepada satu situasi di mana mereka yang menerima akibatnya akan tetap merasai kehilangan atau diketepikan hak, keistimewaan, pekerjaan atau peluang.

Walaupun mereka yang terlibat dengan tindakan merobohkan ini dibayar pampasan tetapi apa yang saya katakan awal-awal tadi bahawa pampasan tersebut tidak dapat mengembalikan kerugian yang mereka alami dan deritai berikutnya.

Kerajaan telah berkali-kali memberi jaminan bahawa dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru bahawa "tidak seorang pun rakyat Malaysia yang akan mengalami, merasai kehilangan atau diketepikan hak istimewa, pekerjaan atau peluang-peluang".

Tetapi malangnya, ini bukanlah sahaja kes seperti Projek Dayabumi itu, tetapi projek Dayabumi ini boleh menjadi permulaan kepada banyak projek-projek lain yang semuanya membimbangkan kalangan perniagaan bukan bumiputera di Kuala Lumpur.

Saya ingin tegaskan di sini bahawa saya tidak bermaksud membantah usaha-usaha UDA untuk menyusun semula bandar-bandar dalam proses membantu bumiputera dalam perniagaan dan perdagangan.

Tapi jika UDA hendak membina bangunan-bangunan perniagaan dalam bandaraya, mereka boleh membinanya di atas tanah-tanah kosong kepunyaan Kerajaan dan bukan semestinya memasuki tempat-tempat perniagaan bukan bumiputera yang wujud **sekarang** dengan kuasa-kuasa Akta Pengambilan Tanah.

Melaksanakan projek penyusunan semula bandar dengan mengorbankan masyarakat perniagaan bukan bumiputera seperti mengambil dan menguasai tanah-tanah mereka serta meminta mengosongkan bangunan perniagaan yang ada sekarang yang mana periok nasi mereka bergantung di situ, bukanlah caranya Dasar Ekonomi Baru harus dilaksanakan atau bagaimana UDA digerakkan.

Tuan Speaker, sekarang izinkan saya meninjau industri perumahan masalah dan prospeknya.

Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawannya mengumumkan bahawa duti import dan cukai tokok ke atas bahan-bahan binaan dan bangunan akan dihapuskan atau dikurangkan.

Saya telah mengemukakan soalan awal tadi sama ada insentif ini akan benar-benar memberi faedah kepada mereka yang tidak berumah sendiri, dan yang memerlukan rumah-rumah yang murah. Sebagaimana yang saya katakan awal-awal tadi, saya menaruh kebimbangan dan izinkan saya menerangkan kenapa.

Sebelum kita bercakap mengenai harga, izinkan saya menyentuh tentang bekalan (supply). Soalan yang saya suka tanyakan ialah bagaimana kita hendak menambahkan bilangan rumah kerana di atasnya akan bergantung sama ada kita mampu menyelesaikan masalah rumah dalam negara ini.

Jika kita lihat kepada tempoh Rancangan Malaysia Ketiga kita dapati sejumlah 400,000 buah rumah yang masih belum dibuat dan kita juga telah menyaksikan industri telah menghadapi banyak masalah dan halangan.

Punca kepada masalah ini di antaranya ialah Dasar Perumahan Negara yang sempurna masih belum diadakan untuk menjadi garis panduan pembangunan perumahan yang teratur dan identifikasi tugas; kelewatan meluluskan tukar syarat, memecah-kecil (sub-division) dan lewat meluluskan bangunan yang menyebabkan rumah-rumah lewat dibina; kekurangan tanah yang menyebabkan harga tanah naik melambung, di samping kekurangan tenaga pekerja yang mahir.

Kerajaan terutamanya Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak sahaja mengambil perhatian serius masalah ini tetapi apa yang lebih penting ialah mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasinya.

Penghapusan atau pengurangan duti import dan cukai tokok ke atas bahan-bahan binaan bangunan tidak akan menolng menyelesaikan masalah kekurangan rumah yang mana permintaan melebihi pembinaan. Untuk mengatasi masalah ini, saya suka mencadangkan cara-cara seperti yang berikut:

- (i) Pihak berkuasa hendaklah jangan berlengah-lengah lagi mengetahui jenis keperluan-keperluan perumahan dan apa yang hendak di buat ialah untuk mengadakan satu Land Bank di tiap-tiap negeri untuk membolehkan Kerajaan Negeri untuk melancarkan skim perumahan.
- (ii) Proses kelulusan tukar-syarat, memecah-kecil tanah dan bangunan hendaklah dipercepatkan.
- (iii) Pelan-pelan induk mengenai kegunaan tanah hendaklah dirangka dengan seberapa cepat.
- (iv) Satu Dasar Perumahan Negara hendaklah dirumus dan dilaksanakan secepat mungkin bagi memandu pembangunan rumah di negara ini.

Tuan Speaker, dalam ucapan Belanjawannya, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berkata bahawa masalah imbalan pembayaran Malaysia yang dijangka bertambah buruk dalam 1981 dengan kekurangan berjumlah \$780 juta dibanding dengan lebih dagangan \$1,002 juta dicatat dalam tahun 1980, mengarah kepada kemerosotan simpanan bersih antarabangsa Malaysia daripada \$10.3 billion ke \$10.1 billion pada akhir 1981.

Menurut Laporan Ekonomi 1981/1982, kedudukan imbalan pembayaran yang lembab adalah disebabkan oleh kemerosotan prestasi akaun dagangan.

Akaun dagangan dijangka mencatatkan kekurangan sebanyak \$127 juta berbanding dengan lebih \$4,643 juta pada tahun lalu. Akaun perkhidmatan terus jatuh

sebagaimana dalam tahun-tahun lalu dan ini dijangka bertambah sebanyak 5.5% dari \$5,062 juta dalam tahun 1980 ke \$5,341 juta dalam tahun 1981. Dengan kedua-dua akaun perkhidmatan dan dagangan mengalami kemerosotan, akaun semasa dalam imbalan pembayaran dijangka menunjukkan kekurangan sebanyak \$5,578 juta berbanding dengan \$542 juta dalam tahun 1980. Oleh kerana kemerosotan prestasi akaun dagangan, adalah perlu supaya perdagangan luar Malaysia dikaji dengan serius dan tegas.

Di sini suka saya mencadangkan bahawa Kerajaan mesti mengkaji bagaimana kita boleh mengadakan lebih banyak komoditi negara di Eropah Timur sebagai satu cara untuk mengatasi imbalan dalam dagangan.

Saya di sini, suka mencadangkan bahawa Kerajaan mesti mengkaji untuk menambah jumlah eksport kita ke negara-negara Asia Barat kerana imbalan perdagangan semasa kita adalah lebih mirip ke negara-negara itu. Dalam tahun 1980, eksport kita ke negara-negara Asia Barat berjumlah \$568.8 juta akan tetapi jumlah import kita daripada negara Asia Barat berjumlah \$1,992.9 juta dalam tahun 1981. Jumlah eksport kita ke negara-negara Asia Barat berjumlah \$560.4 juta di mana jumlah import kita berjumlah \$2,418.9 juta. Kita merasa bahawa ketidakseimbangan ini hendaklah dibaiki lagi.....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa ada lagi 2 minit sahaja.

Tuan Lee Lam Thye: Kerajaan hendaklah juga mencari jalan membaiki imbalan perdagangan kita dengan Australia yang masih belum memuaskan. Dalam tahun 1981 eksport kita ke Australia berjumlah hanya \$420.3 juta yang mana import kita berjumlah \$1,557 juta.

Akhirnya, Tuan Speaker, saya suka menyentuh bahawa pada masa sekarang pihak Kerajaan hendaklah mengambil langkah untuk membaiki sistem pengangkutan awam untuk Kuala Lumpur yang ada sekarang memandangkan sistem yang ada banyak kelemahan dan kekurangan. Di sini saya suka mencadangkan bahawa pihak Kerajaan hendaklah melaksanakan satu Mass Rapid Transit System untuk Kuala Lumpur bagi

menentukan satu sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur dan Lembah Kelang dengan lebih cekap. Satu sistem pengangkutan yang cepat atau pantas hendaklah menggabungkan salah satu cara pengangkutan berikut iaitu aerobus, light rail atau underground rail. Saya harap bahawa cadangan ini dapat dilaksanakan tidak begitu lama lagi.

Yang akhirnya juga saya

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa telah habis, Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Tanjong.

5.12 ptg.

Tuan Wong Hoong Keat (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sepetah dua kata di sini agar menyokong Belanjawan bagi tahun 1982 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita baru-baru ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat memanglah sedar bahawa dunia hari ini adalah dialami oleh inflasi yang semakin lama semakin buruk. Negara-negara membangun seperti Amerika Syarikat, Jerman Barat dan Britain telah melawan inflasi pada hari-hari awal itu tidaklah begitu tegas dan serius. Oleh kerana kelakuan yang mengendurkan itu, inflasi yang merebak itu telah menjejaskan ekonomi mereka dan pada hari ini mereka telah menghadapi kesusahan yang besar untuk membendung inflasi yang teruk itu. Kita di Malaysia adalah bernasib baik. Sungguhpun kita juga mengalami inflasi ketika ini, tetapi pada masa ini, inflasi yang dihadapi oleh kita tidak sebegitu teruk seperti ianya mengakibatkan ekonomi negara-negara lain.

Inflasi ialah sejenis penyakit seperti kanser. Kita mesti mengubatnya pada peringkat lebih awal. Kita mesti mencegahnya dan mencari segala usaha supaya menghapuskannya. Dalam sebuah negara yang sedang membangun seperti negara kita sedikit sebanyak inflasi mungkinlah perlu dan tidak dapat dielakkan untuk mempercepatkan kegiatan-kegiatan ekonomi dan menggalakkan kewujudan iklim ekonomi bagi pertumbuhan pelaburan itu.

Walau bagaimanapun, kita mesti sedar bahawa jika kadar inflasi itu begitu cepat, kita

mungkin tidak mampu mencegahnya dengan kejayaan sepenuhnya dan mungkin mendapat sedikit atau tidak ada pertumbuhan ekonomi. Kenaikan kadar faedah adalah salah satu cara membendung inflasi itu. Hari ini dalam Malaysia kadar faedah telah naik terlalu cepat, bukanlah satu perkara yang kita bersukacita. Ini adalah satu amaran, kita mesti memberi perhatian dan mengambil tindakan secepat mungkin. Kenaikan kadar faedah bukanlah sihat kepada ekonomi kita. Daripada pandangan pelabur-pelabur mereka akan nampak bahawa tidaklah menarik untuk membuat pelaburan yang baru serta pekerjaan dan pendapatan juga adalah dijejaskan.

Untuk mencegah dan membendung inflasi, masa telah tiba bagi kita mengkaji semula kesannya polisi-polisi kewangan kita ketika ini. Walau bagaimanapun, ini mungkin tidak mencukupi, kita mesti juga membuat lebih banyak kajian atas perkara ini.

Adalah satu aspek penting yang kita mesti menimbangkan bila melawan inflasi itu ialah merancang dan menjaminkan kegunaan sumber-sumber kita dengan berkesannya dan memerhatikan bahawa tidak ada pembaziran sumber-sumber dalam bidang publik mahupun swasta.

Baru-baru ini ada dibongkarkan oleh Laporan Juru Audit Negara 1977 iaitu timbulnya perbelanjaan yang tidak perlu dan banyak pembaziran dalam wang-wang publik itu. Sekiranya wang-wang itu telah dibelanjakan dengan teliti ianya memang telah menyimpan berjuta-juta ringgit kepada negara kita dan mungkin menolong-kuatkan pertumbuhan ekonomi kita pada keseluruhannya.

Laporan Juru Audit Negara itu adalah satu Laporan bersejarah, iaitu secara satu pengajaran yang serius kepada kita. Kita tidak boleh membuat apa-apa terhadap apa yang telah terjadi pada masa yang lalu, tetapi kita akan mempelajari daripadanya. Saya berharap bahawa kita mesti membuat sesuatu yang tegas supaya menjaminkan bahawa pembaziran wang-wang publik itu tidaklah diulangi di masa depan.

Adalah secara satu hakikat bahawa semua Jabatan-jabatan Kerajaan menubuhkan

sistem-sistem kawalan komprehensif atas perbelanjaan publik. Walau bagaimanapun, tiap-tiap ketua jabatan dan kakitangan yang terlibat dengan kawalan wang-wang itu bukan hanya menghadkan tugas-tugas mereka kepada kawalan prosedural jabatan itu, tetapi mereka mesti menjamin bahawa perbelanjaan atas semua projek-projek adalah perlu dan akan menghasilkan faedah kepada rakyat jelata dan negara kita, dan mereka mesti juga membuat segala usaha supaya menjamin bahawa tiap-tiap sen yang dibelanjakan berkenilaiannya dan bukan membelanjakan hanya kerana adalah satu belanjawan bagi mereka membelanjakan.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun-tahun yang lalu ini, dalam Belanjawan kita, kita telah mengabaikan golongan orang tua yang berusia lebih 55 tahun. Sebenarnya golongan warganegara orang tua ini telah memainkan peranan yang mustahak dalam pembangunan negara kita. Sebenarnya, mereka ialah pelopor-pelopor dan pemimpin-pemimpin negara kita, dan janganlah kita melupakan mereka. Secara hutang budi, kita wajib membalas kebaikan itu. Untuk membalas sumbangan-sumbangan mereka itu, saya bercadang bahawa pendapatan pertama mereka sebanyak \$10,000 patutlah dikecualikan cukai pendapatan. Lagi pula, mereka patut diberi satu tolak-ansur berhubung dengan pengangkutan publik dalam negara sama ada jalan raya, keretapi atau kapal terbang. Saya berharap bahawa jika Kerajaan dapat mengambil langkah yang berani ini, saya percaya bahawa bidang swasta akan juga mengikut langkah itu.

Di dalam pemodenan sistem urusan Kerajaan, badan-badan berkanun dan syarikat perniagaan demi untuk efficiency yang maksima alat komputer adalah satu perkara yang penting. Namun cukai ke atas komputer masih tinggi dan tidak juga diturunkan. Saya memuji ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas sikap tegasnya berkenaan dengan pembelian barang-barang dan perkhidmatan British oleh Kerajaan kita. Walau bagaimanapun, banyak rakyat Malaysia khawatir yang Kerajaan masih memandang tinggi kepada perkhidmatan British. Misalnya pengurusan Guthrie Corporation yang baru-baru ini telah dibeli oleh Permodalan Nasional Berhad masih lagi

ditangan British pada segi pengurusan dan Lembaga Pengarahnya. Tidakkah ada rakyat Malaysia yang layak mengambitalih pengurusan Guthrie.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Malaysia telah mencapai kemerdekaan selama 24 tahun, tetapi ianya masih mengurangkan percukupan rumah-rumah khususnya rumah-rumah kos rendah kepada golongan yang miskin.

Kita sedar bahawa keperluan asas manusia ialah makanan, pakaian dan rumah.

Kebanyakan penduduk Malaysia masih tidak mempunyai sebuah rumah supaya menampung ahli-ahli keluarganya. Iaitu satu tempat mereka dapat memelihara anak-anak mereka supaya mereka dijadikan warganegara yang baik di masa depan.

Malaysia ialah sebuah negara sedang membangun. Memanglah kita tidak bermimpi besar seperti seorang Amerika biasa. Penduduk-penduduk Malaysia hanya berharap bahawa mereka hanya memuaskan keperluan yang asas itu. Memandangkan sumber-sumber yang kaya dalam negara kita, harapan itu patut boleh dipercapai. Walau bagaimanapun, dengan sedihnya, masih banyak penduduk di Malaysia tidak mampu membeli sebuah rumah kos rendah itu.

Tiap-tiap tahun, kita telah nampak banyak rakyat memenuhi borang-borang permohonan rumah kos rendah itu. Tetapi, kebanyakan pemohon-pemohon itu telah mengalami kegagalan. Misalnya di Pulau Pinang, banyak pemohon-pemohon telah membuat permohonan-permohonan mereka semenjak beberapa tahun yang lalu. Tetapi hinggalah hari ini, mereka masih belum menerima apa-apa berita daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang itu. Sementara itu, keadaan kekurangan rumah di Pulau Pinang itu semakin lama semakin memburukkan. Hari ini, kita mengetahui sekurang-kurangnya 70,000 orang menunggu supaya mendapat rumah-rumah kos rendah itu. Saya berharap bahawa Kerajaan Pusat akan mengarah semua Kerajaan Negeri supaya membina lebih banyak rumah-rumah kos rendah terlebih dahulu supaya meringankan bebanan keperluan rumah-rumah itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun-tahun di masa depan, kita akan menghadapi lebih banyak kesusahan dan cabaran, lebih banyak halangan akan diwujudkan di jalan kita. Untuk pertumbuhan, kita semua mesti mengadakan fikiran yang berjangka panjang dan bekerjasama supaya menjamin bahawa kita semua akan mengadakan satu masa depan lebih gemilang, bukan hanya bagi kita sendiri, bahkan bagi generasi-generasi kita yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bukit Bendera.

5.25 *ptg.*

Tuan Peter Paul Dason (Bukit Bendera): Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang berada dalam dekad kedua pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan juga dalam proses melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat. Matlamat ekonomi baru yang diisytiharkan ialah untuk menggalakkan perpaduan negara dengan:

- (1) membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum; dan
- (2) menyusun semula masyarakat untuk menghapuskan identifikasi kaum dengan fungsi ekonomi.

Rakyat telah diyakinkan bahawa dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru tidak ada mana-mana golongan atau kaum yang akan mengalami atau merasai kehilangan sesuatu, akan tetapi berjuta-juta rakyat Malaysia berasa kehilangan ataupun dinafikan sesuatu berkaitan dengan:

- (1) Soal peluang-peluang kerja dan kenaikan pangkat dalam perkhidmatan Kerajaan atau badan-badan berkanun;
- (2) soal komposisi kaum di kalangan peserta-peserta rancangan tanah di negara ini; dan
- (3) berkaitan dengan masalah peluang pelajaran di peringkat sekolah menengah atau atas dan universiti.

Cara dengan mana pengambilan kakitangan ke dalam perkhidmatan Kerajaan dan badan-badan berkanun adalah tidak memuaskan sama sekali. Pegawai-pegawai awam bukan bumiputra berhak untuk mengharap

kenaikan pangkat dalam sesuatu perkhidmatan atau jabatan berasas kepada merit. Pegawai-pegawai awam bukan bumiputra telah melihat kenaikan pangkat dalam perkhidmatan awam berlaku berasas kepada hakikat sama ada pegawai berkenaan adalah seorang bumiputera atau tidak. Ramai pegawai-pegawai bukan bumiputera telah di side-step untuk sebab satu atau lain apabila urusan kenaikan pangkat dilakukan. Ramai pegawai-pegawai bukan bumiputera dan deserving tidak diberi pengiktirafan dan kenaikan pangkat yang mereka harus diberi. Ini pastilah telah diwujudkan perasaan kecewa dan melemahkan semangat pegawai-pegawai bukan bumiputera. Akbat rasa kecewa dan lemah semangat ini bersama dengan kenaikan pangkat pegawai-pegawai bumiputera yang kurang layak adalah di antara sebab-sebabnya yang menyebabkan penurunan taraf kecekapan dan competency hampir semua jabatan-jabatan Kerajaan. Kecuali Kerajaan mengubah sikapnya terhadap pegawai-pegawai bukan bumiputera perkhidmatan awam pasti akan hilang pegawai-pegawai yang baik dan cekap dan dengan demikian menyebabkan kelambatan dalam melaksanakan dengan jayanya Rancangan Malaysia Keempat.

Untuk menghapuskan identification kaum dengan fungsi ekonomi Kerajaan telah menggalakkan urbanisasi orang-orang Bumiputera. Ini dibuat supaya dapat mereka menyertai sektor perdagangan dan perusahaan ekonomi kita. Kerajaan Barisan Nasional telah melaksanakan dasar ini dengan penuh tekun, Kerajaan telah menghendaki kilang-kilang mengupah tenaga kerja yang terdiri dari 40% orang-orang bumiputera. Kerajaan juga telah mengeluarkan arahan kepada bank-bank dan institusi-institusi kewangan dan perdagangan untuk mengambil lebih ramai pekerja-pekerja bumiputera dalam semua kategori.

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, Kerajaan ingin meneruskan dengan "limb" Dasar Ekonomi Baru dengan lebih tekun akan tetapi supaya dapat mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru ini adalah perlu Kerajaan cuba memastikan lebih ramai lagi orang-orang bukan Bumiputera diambil untuk menyertai berbagai-bagai rancangan tanah seperti

skim FELDA di mana beratus-ratus ribu ekar tanah dibuka dan dimajukan. Peserta-peserta yang menetap di rancangan-rancangan tersebut hendaklah sekurang-kurangnya mencerminkan komposisi kaum negara kita. Kerajaan telah gagal untuk menguntukkan bahawa peserta-peserta di rancangan-rancangan tersebut mencerminkan komposisi kaum di negara ini. Kerajaan hendaklah memberi satu penjelasan mengapa dia gagal berbuat demikian. Sementara Kerajaan meneruskan dengan lebih tekun matlamatnya untuk mendapatkan lebih ramai lagi orang-orang bumiputera di dalam sektor perdagangan dan perusahaan, mengapakah Kerajaan gagal untuk menentukan bilangan peserta bukan bumiputera dalam rancangan-rancangan tanah tidak mencerminkan komposisi kaum negara ini. Walaupun adalah dicadangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional bahawa di bawah Dasar Ekonomi Baru tidak ada mana-mana kaum yang akan mengalami kerugian atau berasa dirinya dinafikan sesuatu, namun pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru telah menyebabkan separuh dari penduduk-penduduk kita berasa kehilangan atau dinafikan sesuatu.

Parti DAP menggesa Kerajaan supaya memastikan bahawa semua pegawai awam diberi layanan yang adil serta juga menentukan penempatan orang-orang bukan bumiputera dalam rancangan-rancangan tanah mencerminkan komposisi kaum negara ini atau sekurang-kurangnya mencerminkan penduduk-penduduk bukan Melayu di luar bandar.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Speaker, adalah menjadi satu faktor dan diiktirafkan productivity and capacity earning seseorang atau sesuatu kaum mempunyai hubungan rapat dengan taraf pelajaran yang dicapai oleh kaum tersebut. Dengan demikian ibubapa-ibubapa kita ingin memberi anak-anak mereka pelajaran yang terbaik sekali yang mereka mampu. Akan tetapi sebilangan besar ibubapa-ibubapa bukan bumiputera telah sejak Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan mendapati dengan berlalu masa bahawa adalah amat sukar untuk mendapatkan tempat untuk anak-anak mereka di institusi-institusi yang memerlukan

pelajaran peringkat menengah atas dan universiti di negara mereka sendiri. Pelajaran universiti di seberang laut adalah terlalu mahal sekarang disebabkan ini adalah sangat penting universiti-universiti kita diperluaskan dan pelajar-pelajar dari semua kaum yang mempunyai kelayakan dan berkehendak diberi tempat di universiti-universiti kita. Universiti Kebangsaan Malaysia telah ditubuhkan dalam tahun 1970 khususnya untuk menampung keperluan pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah aliran Melayu dan kebanyakan mereka ini adalah orang-orang Melayu yang menghadapi kesulitan untuk memasuki Universiti Malaya disebabkan faktor bahasa kerana pada masa itu Inggeris telah menjadi bahasa pengantar di Universiti Malaya.

Dalam pengambilan pelajar-pelajar di dalam UKM untuk tahun akademik 1980/1981 seramai 1,612 pelajar telah diambil masuk. Dari ini 1,249 terdiri dari orang-orang bumiputera, 276 orang-orang China dan 87 orang-orang India. Dalam erti kata peratus pelajar-pelajar bumiputera merupakan 77.5% dari pengambilan pelajar-pelajar tersebut. Tetapi, Tuan Speaker, keadaan sudah berubah. Batch pertama pelajar-pelajar dari semua kaum dari sekolah-sekolah menengah kebangsaan yang telah menerima segala pendidikan mereka dalam Bahasa Malaysia telahpun menduduki peperiksaan SPM tahun lalu. Dalam tempoh dua tahun lagi, pelajar-pelajar ini akan memohon memasuki ke dalam universiti-universiti yang terdapat di negara ini. Disebabkan ini Universiti Kebangsaan Malaysia terpaksa lambat-laun menampung keperluan bukan sahaja pelajar-pelajar Melayu yang telah menerima pendidikan mereka dalam Bahasa Malaysia tetapi juga pelajar-pelajar bukan Melayu yang juga telah menerima seluruh pendidikan mereka dalam Bahasa Malaysia. Ini bermakna UKM akan dikehendaki adjustments dalam pengambilan pelajar-pelajar untuk mencerminkan komposisi berbilang bangsa masyarakat kita.

Tuan Speaker, sementara saya bercadang tempat-tempat yang lebih diberi kepada pelajar-pelajar bukan Melayu di UKM, saya tidak sekali-kali bercadang supaya pengambilan pelajar-pelajar bumiputera dikurangkan. Pendirian parti DAP atas

perkara pelajar-pelajar bumiputera harus diberi segala bantuan dan peluang untuk mendapatkan pelajaran yang paling tinggi untuk "make-up" ketidak seimbangan sejarah (historical imbalances) yang telah berlaku di dalam pelajaran peringkat universiti. Akan tetapi kita ingin tegaskan bahawa ini tidaklah boleh dibuat, dengan izin, at the expense of orang-orang bukan bumiputera.

Tuan Speaker, satu lagi hasil Dasar Ekonomi Baru yang menggalakkan penghijrahan orang-orang bumiputera dari luar bandar ke pusat-pusat bandar supaya memperkenalkan mereka dalam sektor ekonomi bandar seperti sektor kewangan, perdagangan dan perusahaan ialah permintaan untuk perumahan di kawasan-kawasan bandar telah meningkat sedangkan kawasan-kawasan bandar sudah pun mengalami kekurangan rumah-rumah. Tekanan tambahan ini ke atas rumah yang sudah pun ada telah menyebabkan sewa rumah di kawasan bandar melambung naik secara berterusan dan ini bukan sahaja menyebabkan kesusahan kepada bukan sahaja orang-orang bukan bumiputera yang miskin di bandar-bandar tetapi juga orang-orang bumiputera yang berhijrah dari luar bandar ke bandar. Bagaimanakah akan terdapat pembaikan dalam kualiti hidup orang-orang miskin sedangkan mereka terpaksa membayar \$100 untuk menyewa sebuah bilik atau sebanyak 1/3 gaji mereka membayar sewa rumah.

Tuan Speaker, Kerajaan telah sejak awal tahun tujuh puluhan berjanji kepada rakyat bahawa Malaysia akan menjadi sebuah "house owning democracy". Namun demikian, dengan perjalanan masa janji ini bertambah sulit untuk dicapai dan sebilangan besar rakyat Malaysia mendapati harapan untuk memiliki sebuah rumah adalah merupakan mimpi siang hari sahaja. Akibat kenaikan harga tanah dan bahan-bahan pembinaan dengan begitu dahsyat dan juga disebabkan sikap tidak apa Kerajaan sepanjang masa ini berkenaan dengan soal perumahan kos rendah situasi ini telah menjadi kritikal di semua kawasan di seluruh negara Malaysia. Inilah sebabnya mengapa kita telah sampai ke satu peringkat di mana beberapa kerat orang telah tinggal di dalam *palatial mansions* sedangkan beratus-ratus

ribu rakyat Malaysia hidup di rumah-rumah setinggan dan pondok-pondok di seluruh negara terutama sekali di tempat-tempat seperti Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Ipoh. Mengapakah mereka dipaksa oleh keadaan untuk membina rumah-rumah haram atas tanah Kerajaan dan persendirian tanpa bekalan elektrik dan air paip supaya memperuntukkan tempat tidur untuk keluarga mereka. Seorang itu tidak pilih untuk membina rumah haram dan hidup di bawah keadaan seumpama itu sekiranya dia mampu memiliki rumah.

Hakikat begitu ramai rakyat kita hidup dalam rumah-rumah setinggan dan pondok-pondok yang over crowded adalah bukti yang jelas akan kegagalan Kerajaan untuk memperuntukkan rumah-rumah kos rendah yang cukup. Akibat kegagalan ini boleh disaksikan di negeri Pulau Pinang di mana terdapat kekurangan rumah-rumah kos rendah, backlog rumah-rumah kos rendah di negeri Pulau Pinang adalah dalam lingkungan 50,000 unit dan ini telahpun diakui oleh Kerajaan Negeri. Disebabkan ini, Tuan Yang di-Pertua, rakyat Pulau Pinang terkejut untuk mendapat tahu bahawa hanya satu peruntukan yang kecil sebanyak \$30.3 juta diperuntukkan pada awalnya di bawah Rancangan Malaysia Keempat meskipun Kerajaan Negeri telah meminta \$404 juta untuk membina 21,000 unit rumah kos rendah. Rakyat Pulau Pinang ingin tahu mengapa negeri Pulau Pinang diberi peruntukan yang begitu kecil sedangkan permintaan untuk rumah-rumah kos rendah adalah tinggi sekali. Mengapakah negeri-negeri lain diperuntukkan lebih seperti:

<i>Negeri</i>	<i>\$ juta</i>
Trengganu	30.6
Kelantan	40
Sarawak	42
Pahang	68
Negeri Sembilan	75
Melaka	76
Kedah	78
Perak	85
Selangor	105
Johor	115
Wilayah Persekutuan	201

Berasaskan kepada apakah perancangan-perancangan pusat memutuskan pada awalnya untuk memperuntukkan negeri Pulau Pinang wang \$30.3 juta sahaja.

Hanya selepas rakyat negeri Pulau Pinang membantah dan melahirkan rasa terkejut dan marah mereka Menteri Perumahan telah menambahkan peruntukan tersebut dengan tambahan wang sebanyak \$48 juta. Jumlah wang yang diperuntukkan sekarang adalah \$86 juta dan peruntukan ini kurang 22% dari apa yang diminta oleh Kerajaan Pusat. Jumlah ini adalah hanya cukup untuk membina 4,500 unit rumah kos rendah. Rakyat Pulau Pinang ingin tahu mengapa negeri Kedah diperuntukkan sebanyak \$78 juta untuk perumahan kos rendah sedangkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga negeri tersebut tidak dapat siap membina satu unit pun rumah kos rendah. Di negeri Pulau Pinang telah berupaya menggunakan wang yang diperuntukkan untuk tujuan tersebut dengan lebih baik berbanding dengan negeri-negeri lain dilayan dengan begitu buruk oleh Kerajaan Pusat.

Rakyat Pulau Pinang membantah peruntukan untuk perumahan kos rendah yang diberi kepada negeri tersebut yang jelas tidak adil dan saksama. Mereka juga menggesa Kerajaan Pusat memberi wang yang lebih kepada negeri Pulau Pinang untuk tujuan tersebut. Layanan yang tidak adil dan saksama ini oleh Kerajaan Pusat bukan termaktub kepada peruntukan perumahan kos rendah sahaja. Sejak merdeka Kerajaan Pusat telah menganak-tirikan negeri Pulau Pinang.

Semasa negeri Pulau Pinang di bawah seorang Ketua Menteri dari parti MCA iaitu Tan Sri Wong Pow Nee daripada tahun 1959 hingga tahun 1969 negeri Pulau Pinang telah dilayan sebagai anak tiri. Dari tahun 1969 hingga 1972 apabila negeri Pulau Pinang diperintah oleh sebuah parti Pembangkang iaitu parti Gerakan di bawah pimpinan Dr Lim Chong Eu negeri Pulau Pinang juga menerima layanan anak tiri. Dan apabila Dr Lim Chong Eu bersama dengan seluruh parti Gerakan jual rakyat Pulau Pinang dan menyertai Barisan Nasional, negeri Pulau Pinang telah diberi layanan anak tiri dan layanan ini masih dilanjutkan sehingga hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan yang diperuntukkan kepada negeri Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Keempat jelas menunjukkan sikap Kerajaan Pusat dan khasnya sikap UMNO terhadap rakyat negeri Pulau Pinang. Sementara negeri Pulau Pinang diperuntukkan jumlah wang sebanyak \$1,236.02 juta lain-lain negeri diberi 100 peratus lebih atau lebih daripada itu seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>\$ juta</i>
Trengganu	2,023
Kedah	2,388
Wilayah Persekutuan ..	2,489
Sarawak	2,608
Perak	2,834
Kelantan	2,847
Johor	2,929
Pahang	2,944
Sabah	3,170
Selangor	3,676

Tuan Yang di-Pertua, dari jumlah peruntukan rendah sebanyak \$1,236 juta yang diuntukkan kepada negeri Pulau Pinang sebahagian besar peruntukan ini akan dibelanjakan atas projek-projek yang akan lebih mementingkan kepentingan negara dan kepentingan negeri-negeri jiran daripada kepentingan rakyat negeri Pulau Pinang, seperti projek Jambatan Pulau Pinang dan projek untuk memajukan pelabuhan Pulau Pinang. Projek-projek yang memberi faedah secara terus kepada rakyat negeri Pulau Pinang tanpa mementingkan kepentingan negeri-negeri lain diberi priority yang paling rendah. Kerajaan Persekutuan berharap untuk menggunakan kedudukan geography dan infrastruktur yang sedia ada di negeri Pulau Pinang untuk menolong pertumbuhan dan kemajuan negeri-negeri seperti Perlis, Kedah, Perak Utara dan Kelantan.

Sudahlah jelas sekali sekarang bahawa Kerajaan Persekutuan akan memberi bantuan kewangan untuk kemajuan negeri Pulau Pinang hanya setakat ia membantu pembangunan dan kemajuan negeri-negeri jiran di Malaysia utara dan untuk mencapai objektif Dasar Ekonomi Baru untuk

menyusun semula masyarakat. Sebarang bantuan yang diberi kepada negeri Pulau Pinang oleh Kerajaan Persekutuan adalah bukan kerana cinta Kerajaan Persekutuan mempunyai untuk negeri atau rakyat negeri Pulau Pinang. Saya Pasti bahawa dalam jawapan nanti Kerajaan menyatakan bahawa peruntukan rendah bagi negeri Pulau Pinang adalah kerana negeri Pulau Pinang sudahpun menjadi negeri yang maju. Kalau inilah sebabnya mengapa Wilayah Persekutuan diberi peruntukan dua kali ganda berbanding dengan negeri Pulau Pinang dan negeri Selangor pula tiga kali ganda berbanding dengan negeri Pulau Pinang. Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan ialah lebih maju daripada negeri Pulau Pinang. Tidakkah Kerajaan Persekutuan sedar bahawa insiden kemiskinan di negeri Pulau Pinang adalah tinggi daripada Wilayah Persekutuan dan Selangor. Sebenarnya yang insiden kemiskinan di negeri Pulau Pinang adalah tinggi daripada negeri Melaka, negeri Johor dan Negeri Sembilan.

Tuan Yang di-Pertua, 29.5% keluarga di negeri Pulau Pinang hidup dalam kemiskinan. Apa yang lebih membosankan rakyat Pulau Pinang terhadap Kerajaan Persekutuan dan peruntukan-peruntukan yang beri kepada negeri mereka di bawah Rancangan Malaysia Keempat ialah sementara negeri-negeri lain diberi peruntukan yang lebih besar di bawah Rancangan Malaysia Keempat berbanding dengan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, negeri Pulau Pinang menerima peruntukan yang kurang di bawah Rancangan Malaysia Keempat berbanding dengan peruntukan yang diberi kepadanya di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, seperti Negeri Sembilan \$226 juta lebih, Johor \$309 juta, Melaka \$333 juta lebih, Selangor \$597 juta lebih, Negeri Pulau Pinang kurang iaitu \$160 juta.

Mengapa Kerajaan Persekutuan melayani rakyat Negeri Pulau Pinang seperti saya sebutkan tadi. Sebabnya adalah satu yang mudah, sejak merdeka Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan, khasnya dari UMNO telah menganggap wang rakyat sebagai harta UMNO yang ia menguntukkan sama ada untuk memberi atau menyimpan. UMNO sebagai satu badan politik telah melalui

Menteri-menteri Persekutuan secara bebas, tidak berethik dan bertentangan dengan semua tenet demokrasi menggunakan kawalannya ke atas peruntukan-peruntukan kewangan selain dari cara-cara lain untuk mendapatkan sokongan baginya dan untuk merangka kejatuhan mereka yang menentang atau mereka yang menjadi penghalang kepada cita-citanya.

Tuan Speaker, UMNO telah pada keseluruhannya dengan penyalahgunaan kawalannya ke atas peruntukan-peruntukan kewangan kepada negeri-negeri berjaya menggulingkan Kerajaan Negeri PAS di Trengganu dan Kelantan. UMNO yang menjadi parti tunggal dalam Barisan Nasional yang mempunyai kuasa sebenar telah berjaya mendapatkan jawatan Ketua Kerajaan baginya di setiap negeri dalam negara kita di mana ia bergerak, kecuali Negeri Pulau Pinang. Adalah menjadi cita-cita UMNO yang tidak dinyatakan tetapi tidak boleh dinafikan untuk memegang jawatan Ketua Eksekutif di setiap negeri di Semenanjung Malaysia dipenuhi atau diduduki seorang pemimpin UMNO dan atas sebab inilah UMNO begitu kecewa dengan rakyat Pulau Pinang kerana Negeri Pulau Pinang merupakan negeri yang tunggal di Semenanjung Malaysia yang mempunyai seorang Ketua Eksekutif atau Ketua Menteri yang datangnya bukan dari kalangan UMNO. UMNO mendapati kesukaran untuk menerima Menteri Besar atau Ketua Menteri yang datang dari parti-parti Barisan Nasional yang lain dan inilah sebabnya Kerajaan Pusat memberi peruntukan yang begitu kecil kepada Negeri Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Tetapi biarlah saya nyatakan di sini sekarang bahawa rakyat Pulau Pinang tidak gentar dan tidak akan membenarkan diri mereka dibullied, tidak akan menyertai diri kepada cita-cita UMNO untuk mengadakan seorang Ketua Menteri UMNO bagi Negeri Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Matang.

5.54 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong Rang Undang-undang

Perbekalan 1982 dan Anggaran Belanjawan Pembangunan.

Sebelum saya menyebut sepatah dua dalam Dewan ini saya tertarik hati di atas ucapan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera tadi. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera telah banyak menyebut hal-hal masalah orang-orang Melayu dengan bukan Melayu masuk universiti, masalah orang-orang Melayu pemindahan dari luar bandar ke dalam bandar dan pada akhirnya beliau menyentuh parti UMNO kononnya menyalahkan kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal ini nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera yang mewakili DAP menghangatkan semula kepada rakyat di seluruh negara ini kerana mengungkit-ungkitkan hal masalah kemasukan penuntut di dalam universiti di dalam negara kita ini. Pada peringkat ini nampaknya Ahli Yang Berhormat menyebut Kerajaan telah mengambil penuntut universiti daripada bumiputera, daripada orang Melayu lebih ramai daripada bukan Melayu dan seolah-olah ia membela kepada bangsa-bangsa lain selain daripada Melayu di dalam negara ini yang mereka kononnya tidak mendapat tempat yang secukupnya di dalam universiti. Pada masa penuntut-penuntut Melayu di satu masa dahulu hanya sebilangan kecil sahaja yang mendapat masuk ke dalam universiti, pada masa itu Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera diam sahaja, Ahli Yang Berhormat dari DAP diam sahaja seolah-olah mereka bersetuju dengan cara itu yang lebih baik di dalam negara kita. Apabila kejadian 13 Mei, 1969, Dasar Ekonomi Baru wujud Kerajaan cuba hendak menjadikan rakyat di dalam negara ini berseimbangan yang keluar daripada universiti supaya keseluruhannya mendapat faedah daripada wujudnya negara Malaysia yang diperintah oleh Barisan Nasional. Jadi nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera tidak mengetahui langsung di atas sejarah di satu masa dahulu maka wujudnya Dasar Ekonomi Baru pada masa ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu juga menyebut ia merasa bimbang kononnya sudah terlalu ramai orang-orang Melayu berpindah/berhijrah daripada luar bandar ke dalam bandar kerana Kerajaan

telah menggalakkan supaya mereka yang berada di luar bandar ini patut pindah ke dalam bandar pula untuk memperseimbangkan kaum-kaum di dalam negara ini berada di dalam bandar. Nampaknya Ahli Yang Berhormat ini tidak bersetuju dengan cara yang seperti ini dan mungkin DAP berasa bimbang kononnya pada masa hadapan pengundi-pengundi yang begitu ramai daripada orang-orang Melayu tidak lagi akan mengundi DAP, maka kemungkinan DAP akan hilang pada satu masa di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ini nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera juga menyebut masalah UMNO telah berbuat sesuatu dengan menyalahgunakan kuasanya yang ada di seluruh negara. Barangkali Ahli Yang Berhormat ini tidak menyedari betapa rakyat pada hari ini memandang sungguh kepada Barisan Nasional dan berharap supaya UMNO wujud dengan begitu kuat, Barisan Nasional wujud dan tiap-tiap negeri di dalam Malaysia ini dapat ia terus mentadbir bagi pihak Kerajaan Pusat ataupun Negeri-negeri sepertimana yang ada pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada satu masa dahulu apabila sahaja Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri mentadbir di dalam negara kita ini, dua perkara penting yang beliau telah jalankan dalam tempoh tersebut. Yang pertama, kad waktu bagi Jabatan Kerajaan. Yang kedua, satu perkara yang menarik hati juga kepada rakyat, pendedahan Akauntan Negara bagi keseluruhan Kementerian dan Jabatan-jabatan supaya dapat diperhati bersama oleh pihak rakyat. Apabila dua perkara ini wujud di dalam negara kita sambutan telah diterima oleh seluruh rakyat dan pihak Pembangkang pun bersama menyetujui dan memberi kepujian kepada hal yang seperti ini supaya ia terus wujud di dalam negara seperti ini.

Di dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan mengenai dengan Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah, iaitu DAP juga pada ucapannya telah menyebut bagaimana pembangunan ini patut ia mencadangkan supaya dapat diselaraskan bagi keseluruhannya dan ia cuba berbincang

masalah-masalah pembangunan dalam negara ini. Pada satu masa DAP berkata pembangunan tidak begitu faedah apabila pembangunan dilancarkan oleh pihak Kerajaan dan pada satu masa yang lain pula ia berkata pembangunan perlu, ia juga mencampuri. Dan pada akhir-akhir ini dalam Dewan ini juga masalah \$200,000 sebagai contoh sudah pun diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP supaya ia juga dapat berbincang masalah pembangunan dalam negara ini.

Di dalam hal yang seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan menyebut yang perbelanjaan negara pada tahun 1982 kelak ialah satu perbelanjaan yang besar yang berjumlah sebanyak \$31,951 juta. Daripada perbelanjaan yang begitu banyak, Belanja Mengurus \$17,319 juta dan Belanja Pembangunan \$14,632,547,573.

Saya ingin menyebut di dalam Dewan ini berkenaan dengan pembangunan negara ini kerana saya dapati satu perbelanjaan yang besar yang akan dibelanjakan di dalam tempoh hanya 12 bulan yang perlu bagi tahun 1982 kelak. Di dalam hal ini biasanya perbelanjaan pembangunan yang tidak sampai sebanyak itu pun tidak dapat dilaksanakan oleh pihak Kerajaan baik Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Negeri yang kadang-kadang hanya projek-projek yang telah diputuskan untuk dilaksanakan biasanya tidak sampai 100% dapat dilaksanakan pada tahun-tahun yang berkenaan. Ada sebahagian daripadanya hanya dapat pencapaian kepada 60%, 70% atau sebagainya. Ini ertinya pada tiap-tiap tahun peruntukan pembangunan yang telah disediakan yang pertama, pembangunan tahun-tahun yang berikutnya; yang kedua, pembangunan rancangan Malaysia yang telahpun diluluskan oleh pihak Kerajaan. Oleh sebab itu, saya merasa bimbang kalau-kalau peruntukan yang begini besar tidak dapat dilaksanakan dengan sebaiknya dan jika tidak dapat dilaksanakan dengan sebaiknya maka ia akan pergi kepada tahun-tahun yang berikutnya. Jadi pada akhirnya pelaksanaan pembangunan dalam negara kita ini tidak dapat mengikut jadual sepertimana yang telah ditentukan. Oleh itu, saya berpendapat supaya pihak Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri ataupun lain-lain pihak supaya

berganding bahu mengadakan satu kata sepakat supaya pelaksanaan projek-projek pembangunan ini dapat wujud sepertimana dirancang dan sepertimana yang telah ditetapkan.

Di dalam hal yang seperti ini saya dapati sudah ada beberapa negeri di dalam Malaysia ini telah mengadakan seminar pembangunan negeri masing-masing. Misalnya negeri Kedah, negeri Kelantan, Negeri Sembilan dan baru-baru ini di negeri Perak telah mengadakan seminar pembangunan.

Di dalam seminar pembangunan ini dihadiri oleh pegawai-pegawai dari peringkat Pusat, pegawai-pegawai dari peringkat Kerajaan Negeri dan Wakil-wakil Rakyat yang terdiri daripada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Parlimen. Di dalam seminar berkenaan yang diadakan di dalam tempoh yang singkat—2 hari sahaja, didapati keseluruhan pihak, pihak pegawai daripada Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan Wakil-wakil Rakyat telah dapat kata sepakat supaya pembangunan di negeri masing-masing dapat dilaksanakan sepertimana yang telah disusun mengikut satu persatu. Jadi, di dalam hal ini saya mengambil kesempatan seminar pembangunan yang seperti ini yang mungkin akan diadakan pada tiap-tiap negeri kelak patut diperluaskan. Kalau didapati perlu seminar itu diadakan di peringkat Kerajaan Pusat dan jika didapati perlu lagi diadakan pula seminar di peringkat daerah-daerah.

Apabila saya sebut sahaja di peringkat daerah kerana sebahagian besar pelaksanaan pembangunan negara ini peringkat yang dibebankan oleh pihak Kerajaan mereka yang duduk di peringkat daerah. Oleh itu, peringkat daerah perlu juga diadakan satu peraturan yang tertentu supaya mengurangkan beban kepada pegawai-pegawai yang berada di peringkat daerah dan kepada mereka ini, yang pertama hendak melaksanakan projek yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan yang kedua, mereka juga akan dibebankan dengan pelaksanaan projek dari peringkat Kerajaan Pusat. Oleh sebab itu, pada pandangan saya peringkat daerah perlu mendapat perhatian daripada Kerajaan. Jika sekiranya pembangunan yang ada seperti ini yang

menyebabkan pegawai-pegawai Kerajaan tidak mencukupi bagi pelaksanaannya maka perlulah Kerajaan menyediakan pegawai-pegawai memberinya dengan cukup bagi kejayaan pelaksanaan dan jika timbul sebarang masalah yang ada dalam daerah masing-masing maka perlulah juga pihak Kerajaan cuba menyelesaikan masalah-masalah lain yang terdiri selain daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang saya sebutkan tadi.

Di dalam pelaksanaan mengikut peringkat-peringkat dan supaya ia disatukan dan dapat diselaraskan dan dapat pula diseragamkan bagi pentadbiran yang wujud dan kita yakin kerana rakyat telah memberi sokongan cara pentadbiran yang ada pada hari ini saya percaya apabila penyusunan semula bagi pelaksanaan projek pembangunan ini akan juga mendapat sokongan rakyat. Jangan lupa di dalam pelaksanaan ini terlibat ke negeri-negeri maka kita dengar di dalam Dewan ini negeri-negerilah, Ahli-ahli Yang Berhormat telah bercakap bagi pihak negeri masing-masing; oleh sebab itu saya juga tidak ketinggalan ingin menyebut di dalam Dewan ini yang negeri Perak ialah sebuah negeri yang ada di dalam Malaysia ini rakyatnya yang miskin lebih ramai daripada negeri-negeri lain kerana di dalam kajian yang telah didapati, 66% daripada rakyat di dalam negeri Perak ini terdiri daripada mereka yang miskin yang berjumlah pada keseluruhannya 2 juta orang. Jadi, ertinya di dalam pelaksanaan pembangunan patutlah Kerajaan mengkaji semula supaya negeri-negeri manakah yang perlu diperlembikan memberi bantuan pembangunan dan dengan cara ini supaya ia menjadi seragam supaya ia dapat diselaraskan di dalam negeri-negeri di seluruh Malaysia. Janganlah pada masa pelaksanaan pembangunan ini wujud maka masih ada lagi negeri-negeri di dalam Malaysia ini yang lebih dan yang kurang, yang ada dan yang tiada, yang ramai miskin dan yang kurang miskin. Jadi, di dalam pelaksanaan ini patutlah Kerajaan mengkaji semula supaya negeri Perak yang begitu luas, yang penduduknya 2 juta orang, yang luas negerinya 8 ribu batu persegi, yang perlu mendapat perhatian yang banyak daripada Kerajaan Pusat bagi *menjayakan pelaksanaan pembangunan di negeri tersebut.*

Di samping Kerajaan cuba mengatasi masalah kemiskinan khususnya kemiskinan di dalam negeri Perak ini, saya juga menyeru supaya Kerajaan mengutamakan pelajaran Agama Islam bagi tiap-tiap peringkat; pada peringkat permulaan di sekolah-sekolah, pada peringkat-peringkat yang lain diajar masalah Agama Islam kepada pegawai-pegawai dan sebagainya dan kemudian kepada seluruh rakyat supaya rakyat dapat hidup di samping pembangunan yang begitu pesat dapat dibangun juga Agama Islam sebagai agama rasmi dan penganutnya memahami Agama Islam ini sahajalah cara ia hidup di dalam dunia ini dengan sebaik-baiknya.

Di dalam hal ini, saya teringat kepada satu ucapan yang saya biasa dengar yang paling sedih sekali, iaitu saya biasa dengar Ketua Polis Negara membuat satu ucapan yang menyebutkan ada 30% anggota polis yang baru masuk menjadi polis tidak boleh mengucap dua kalimah syahadat. Jika Ketua Polis Negara telah menerangkan ada 30% daripada anggota polis yang baru masuk menjadi polis itu tidak boleh mengucap dua kalimah syahadat, ertinya yang lain-lain tidak boleh juga. Mereka ini terdiri daripada rakyat yang beragama Islam di dalam negara kita dan mereka mungkin pada satu masa dahulu biasa bersekolah, biasa mempelajari agama tetapi kemungkinan ada silapnya dan kemungkinan kesilapan seperti inilah maka timbul satu masalah seperti ini. Kalaulah begini ada di dalam kalangan polis, saya bimbang ada kalangan lain yang seperti ini juga. Maka oleh sebab itu perlulah pihak Kerajaan mempertimbangkan, mengkaji semula dan mengambil perhatian berat supaya masalah agama Islam ini dapat diselaraskan kepada seluruh penduduk Islam di dalam negara kita.

Di samping itu, bagi asas kehidupan rakyat di luar bandar, masalah yang besar yang selalu disebut ialah masalah elektrik dan air paip, tetapi masalah elektrik tidaklah begitu sangat sulit kepada penduduk luar bandar kerana dengan tidak ada elektrik tidak ada penyakit, tetapi jika pembekalan air tidak diberi dengan bersih, dengan elok kepada rakyat, air yang tidak bersih boleh menyebabkan penyakit. Maka oleh sebab itu perlulah paip air itu dapat diadakan peruntukan yang besar oleh *Kerajaan dan dapat pula diberi ke kawasan-kawasan yang tertentu dan ada sebahagian*

daripada kawasan tertentu itu sudahpun memohon kepada pihak Kerajaan sudah bertahun-tahun untuk menyelesaikannya tetapi biasanya dijawab tidak ada peruntukan. Apa sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, kerana cara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri menyampaikan bekalan paip air itu tidak selaras.

Biasanya pembekalan paip air itu hanya boleh diluluskan oleh Kerajaan Negeri sahaja dan tidak ada satu peluang supaya dapat diluluskan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Pusat biasanya serahkan kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri sahajalah yang menentukan dan meluluskannya. Biasanya oleh kerana peruntukan seperti itu tidak mencukupi seperti mana yang saya sebutkan tadi oleh sebab itu perlu Kerajaan Pusat mengkaji perkara ini bagaimana kedudukan tiap-tiap Kerajaan Negeri, bagaimanakah kesulitan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri untuk pelaksanaan projek itu supaya Kerajaan Pusat dapat membantu dengan sewajarnya dan dapat diberi peruntukan bekalan paip air itu kepada negeri-negeri.

Contohnya, di Negeri Perak peruntukannya banyak sangat, oleh kerana di kawasan-kawasan tertentu begitu luas, tetapi peruntukannya yang ada kepada Kerajaan Negeri Perak tidak mencukupi pada tiap-tiap tahun dan Kerajaan Pusat pula biasanya peruntukan itu disalurkan kepada Kerajaan Negeri sahaja. Oleh sebab itu, Kerajaan Pusat patut mengkaji semula bagi pelaksanaan perkara itu.

Selain daripada itu, saya mengambil kesempatan berkenaan dengan tanggagaji rakyat di dalam negara ini. Kerajaan telah menaikkan tanggagaji kakitangan Kerajaan dan Ahli-ahli Yang Berhormat di satu masa yang lalu dan sehingga setakat ini ada sebahagian kecil sahaja mungkin tidak dapat diselesaikan tetapi masalah gaji mereka yang bekerja di kilang-kilang yang pada sepanjang masa berharap supaya suatu tanggagaji minima diwujudkan di dalam negara kita supaya sebahagian daripada rakyat yang makan gaji itu juga yang ada dalam negara ini mendapat peluang menerima tanggagaji yang menasabah yang perlu dibayar kepada mereka. Kalau masalah gaji pekerja kilang ini dapat dilaksanakan oleh Kerajaan maka

dipercayai keadaannya berkuranganlah kisah-kisah rakyat mengadu di sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan sebanyak \$280 juta untuk parit dan taliair, saya ingin menyentuh berkenaan perkara ini kerana ada 300,000 petani yang memiliki 1,260,000 ekar sebagaimana yang telah disebut oleh pihak Kerajaan akan disediakan peruntukan \$280 juta untuk menyediakan parit dan taliair. Saya mengalu-alukan peruntukan Kerajaan ini dan jika sekiranya Kerajaan mengambil perhatian parit dan taliair yang ada pada masa ini yang sudah disebutkan tidak boleh dipakai lagi dapat digantikan dengan parit-parit simen yang baru di dalam sawah.

Di dalam negara kita terdapat sebahagian daripada sawah yang ada parit simen yang telah wujud didapati keadaan sawah itu selamat dan dapat pula sawah itu dijayakan dengan baik dan mendapat hasil yang baik, tetapi kepada sawah-sawah yang belum lagi wujud parit simen seperti yang saya katakan tadi, sebahagian besar daripadanya tidak dapat lagi ditanam padi oleh pihak petani. Maka saya berharap pihak Kerajaan dapat menentukan satu kawasan di dalam negeri Perak iaitu di dalam Daerah Larut-Matang, di kawasan Mukim Bukit Gantang yang dua ribu ekar perlu segera diadakan parit dan taliair daripada simen. Apabila parit daripada simen itu ada, saya percaya keadaan petani yang ada di kawasan itu akan dapat mengerjakan sawah mereka sepertimana pada satu masa dahulu. Dengan harapan seperti itu saya merayu mudah-mudahan pihak Kerajaan dapat mengambil perhatian berat di samping mengkaji berkenaan dengan pembangunan dapat juga mengkaji cadangan ataupun syor yang dikemukakan oleh saya itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

6.16 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1982 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di Dewan ini pada 24hb Oktober 1981 yang lalu adalah Belanjawan yang sungguh menyenangkan semua peringkat rakyat, terutama di kalangan masyarakat miskin di negara ini.

Pihak Pembangkang menyatakan Belanjawan 1982 ini adalah Belanjawan pilihanraya dan bertujuan untuk menggalakan rakyat dan orang ramai. Bagi Pembangkang semuanya tak kena kerana jika Belanjawan banyak kenaikan cukai dan sebagainya mereka katakan Kerajaan tak bertanggungjawab dan tak bertimbang rasa, dan bila Belanjawan banyak memberi manfaat kepada kesejahteraan rakyat mereka juga kata Kerajaan gula-gulakan rakyat dan sebagainya. Pendeknya, semua tak kena bagi mereka itu.

Bagaimanapun, bagi semua pihak yang memikirkan secara baik, secara keluhuran dan tidak beremosi akan sentiasa menyedari di atas kenyataan Belanjawan ini sebagai satu kenyataan sikap tanggungjawab pihak Kerajaan terhadap tugas dan dasarnya untuk membantu dan meringankan beban rakyat sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan yang dilaksanakan sehingga ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari Belanjawan yang dibentangkan untuk tahun 1982 ini, saya amat tertarik di atas peruntukan yang semakin besar telah diberikan kepada sektor ekonomi dengan pertambahan kira-kira 10.98% berbanding dengan peruntukan tahun 1981 hanya \$7,576.5 juta tetapi kenaikan \$832.5 juta pada tahun 1982 menjadikan peruntukan bertambah \$8.409 juta semuanya. Demikian juga di sektor pertanian di mana pertambahan peruntukan juga telah diberikan sebanyak kira-kira 30.17% jika dibandingkan peruntukan sektor ini pada tahun 1981 hanya \$2,215.6 juta, tetapi telah ditambahkan pada tahun 1982 sebanyak \$668.6 juta menjadikan \$2,884.2 juta. Sektor pertanian ini termasuklah bidang pertanian, padi, pekebun kecil, perusahaan ternakan, perikanan, pembangunan tanah dan lain-lain.

Sektor pertanian ini juga adalah sektor yang tinggal di luar bandar dan mereka terdiri daripada masyarakat miskin yang bertaburan di seluruh negara. Atas perhatian Kerajaan kepada sektor ini adalah jelas menunjukkan bahawa Kerajaan benar-benar bagi mencapai matlamat dan strategi Belanjawan tahun 1982 iaitu bagi memperhibatkan usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan terutama sekali di kawasan-kawasan yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi sekali.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita memperkatakan tentang usaha-usaha untuk membasmi atau sekurang-kurangnya untuk mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan rakyat ianya jelas tertumpu kepada masyarakat luar bandar yang bergantung di dalam bidang pertanian, pekebun kecil dan lain-lain sektor seumpamanya. Di kalangan sektor yang saya katakan ini kita tidak dapat menafikan bahawa pihak Kerajaan menerusi Kementerian dan agensi-agensinya yang berkenaan telahpun banyak perancangan dan bantuan-bantuan langsung merupakan subsidi dan sebagainya telah disedia dan diberikan bagi mengurangkan beban hidup yang ditanggung dan dihadapi oleh mereka di kalangan masyarakat ini. Sungguhpun demikian saya masih merasai hampa dan mempunyai harapan yang amat rendah di atas keupayaan kalangan masyarakat miskin di sektor ini untuk dapat membina dan merubahkan masa depan mereka kepada jaminan yang lebih kukuh. Ini adalah kerana apa yang diperbantukan sekarang adalah hanya merupakan untuk menenang dan mencukupi keperluan semasa sahaja dan tidaklah untuk membantu, merubahkan taraf yang lebih menjamin sebagai jangka panjangnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai subsidi-subsidi yang diuntukkan oleh Kerajaan menurut Belanjawan 1982 ini adalah berjumlah \$1,327 juta semuanya dan ini termasuklah subsidi harga padi untuk petani-petani berjumlah \$220 juta, sementara subsidi input pertanian pula berjumlah \$130 juta. Alhamdulillah kerana pemberian subsidi ini sebagai satu pemberian rahmat, tetapi apakah dengan subsidi itu boleh menyelesaikan perubahan masyarakat tani miskin ke arah menjamin masa depan yang lebih kukuh, bagi tempoh masa jangka panjangnya kerana subsidi yang diberikan oleh Kerajaan itu adalah hanya bagi menampung perimbangan kepada kos pengeluaran dan keperluan hidup semasa petani-petani itu sahaja dan bukanlah membantu, membangun dan merubahkan masa depan yang lebih mencabar. Berapa lamakah kesanggupan Kerajaan menokok perbelanjaan keperluan hidup sektor para petani ini menerusi bentuk subsidi begini? *Apa hal takdirnya berlaku perubahan dan subsidi tidak lagi diberikan ataupun*

diberhentikan? Sektor pertanian khususnya petani padi sahaja di negara ini terdapat kira-kira 300,000 keluarga dan sektor pekebun kecil kira-kira 400,000 keluarga dan penoreh-penoreh getah sahaja kira-kira 150,000 keluarga. Apa akan jadi pada ketika itu?

Sekarang pun telah banyak berlaku tanah-tanah sawah ditinggalkan sebagai tanah terbiar, hal ini berlaku adalah disebabkan tidak adanya tenaga pekerja di sektor ini oleh kerana tenaga pekerja ini merubah ke bidang pekerjaan lain kerana pekerjaan pertanian tidak menjamin masa jangka panjang jika dibandingkan hasil pengeluaran dengan kos-kos pengeluaran, penggunaan tenaga dan juga untuk menghadapi keadaan inflasi semasa. Ini tidaklah termasuk sekiranya takdir berlaku, malapetaka, kemarau, kemusnahan, musuh-musuh dan lain-lain lagi sebagainya. Oleh yang demikian saya sukalah menarik perhatian pihak Kerajaan menerusi Dewan yang mulia ini dan juga berharap kepada pihak agensi yang terlibat supaya mulai sekarang mengambil kajian semula dengan seberapa segeranya akan semua program-program pelaksanaan pembangunan ekonomi di sektor miskin luar bandar ini khususnya di kalangan para petani supaya program-program tersebut akan membawa peningkatan dan jaminan masa depan menurut jangka panjangnya sejajar dengan perkembangan peningkatan ekonomi negara seluruhnya.

Salah satu program menurut pandangan saya yang harus diberi perhatian segera bagi dilaksanakan ialah mewujudkan sistem pertanian berkelompok dan mempelbagaikan usaha penghasilan dengan mengadakan program-program pentadbiran tersusun, menggunakan teknologi-teknologi yang lebih berkesan, penggunaan tenaga yang maksima dan tersusun serta melibatkannya di dalam bidang-bidang yang meliputi peringkat pengeluaran, pemerosesan, pembekalan, pemasaran serta mengeksploitasikan semua peringkat bahan mentah yang ada bagi mengeluarkan hasil-hasil yang maksima dan menghasilkan pendapatan yang lebih dan menyeluruh bagi menikmati pembahagian ekonomi yang lebih adil dan menjamin. Untuk mencapai matlamat ini Kerajaan dan menerusi agensi-agensi yang berkenaan

haruslah menyelaraskan semua agensi-agensi yang berkaitan dan jika perlu dikaji semula semua struktur yang ada sekarang agar yang mana perlu diubah dan disusun semula dengan memberi keutamaan serta mewujudkan projek pembangunan berkelompok dan mempelbagaikan penghasilan yang meliputi semua peringkat dan keadaan menurut yang diperlukan ini.

Saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi melatih kemahiran-kemahiran dan menunjuk-ajar kalangan penduduk-penduduk luarbandar terutama kalangan masyarakat petani bagi mengambil bahagian di dalam mewujudkan perusahaan-perusahaan kecil di kawasan luar bandar dari bahan-bahan yang berasaskan pertanian dan sebagainya adalah satu saranan yang harus diambil tindakan oleh semua pihak khususnya agensi-agensi Kerajaan sendiri yang terlibat langsung kepada usaha-usaha pembangunan rakyat di luar bandar oleh kerana masa sentiasa berjalan dan berlalu, tindakan segera adalah perlu dan tidak memadai hanya diperkatakannya sahaja tanpa sebarang tindakan dan usaha yang lebih berkesan dilaksanakan oleh mereka yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyetujui dan menyokong penuh atas matlamat strategi Belanjawan tahun 1982 yang mempunyai langkah-langkah tegas dan tindakan berani yang telah diambil oleh pihak Kerajaan di bawah pimpinan baru Kerajaan sekarang. Apa yang menjadi harapan saya dan rakyat yang diwakili ialah supaya Kerajaan terus mengambil langkah-langkah yang tegas, cekap dan dedikasi agar harapan dan matlamat mencapai kejayaan bagi keamanan, keadilan, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat di semua peringkat dapat diwujudkan berterusan dengan sepenuh jaminannya

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak menyambung lagi esok?

Tuan Ismail bin Arshad: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, boleh sambung esok. Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Khamis, 5hb November 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.